IBNU ANAS AL-KUTAWI

Jawapan Terbuka

dalam Polemik Hukum Wanita Menutup Muka

Sebuah Kritikan ke atas Artikel ‘Berniqab atau Tidak Berniqab?’ oleh Fatimah Syarha

بسم الله الرحمن الرحيم

Edisi ketiga..........................September 2013

Kandungan
3

Penghargaan
4

Mukadimah
5

Bab Satu
Memahami Pendirian Fatimah Syarha
8

Bab Dua
Menolak Penisbahan Pendapat Tidak Wajib Menutup Muka
kepada Jumhur
12

Bab Tiga
Hujah-hujah Tidak Wajib Menutup Muka oleh Fatimah Syarha
Serta Jawapan
53

Bab Empat
Menguis Upaya Fatimah Syarha Mewajarkan
Amalan Tidak Menutup Muka
86

Peleraian
101

Penghargaan

Sejambak terima kasih
istimewa untuk kekasih,
Rohani binti Hashim
dan adik dalam rahim
kerana cuba memahami
kekalutan si suami
kesulitan sang ayah
menangani kerenah
anak-anak bermasalah.

Ingat pesan daku
Biar apa pun berlaku
Pegang erat purdahmu
Jangan bosan usah jemu
Berbanggalah, wahai adinda
Sungguh kita telah berjaya
Menjadi gharib zaman ini
Menjadi dagang benua ini.

Mukadimah

Alhamdulillah dan selawat dan salam kepada Rasulullah, ahli bait, dan para sahabat.

Pada hari putih bulan Ramadan yang lalu, saya mula menyibukkan diri dengan menjawab keraguan-keraguan yang ditimbulkan oleh Fatimah Syarha, seorang penulis prolifik tanah air tentang kewajipan menutup muka. Memakan masa lebih sebulan, akhirnya siaplah sudah risalah ini. Saya namakannya, 'Jawapan Terbuka dalam Polemik Hukum Wanita Menutup Muka'.

Saya tidak menafikan jasa dan sumbangan beliau dalam perkembangan dakwah khususnya kepada masyarakat remaja di Malaysia. Tetapi, kesilapan lebih-lebih lagi yang melibatkan persoalan agama tidak boleh dibiarkan sahaja. Lama-kelamaan, buruk padahnya.

Kaum Muslimin di Malaysia kebanyakannya tidak tahu-menahu tentang agama. Dengan membaca tulisan seorang tokoh agama yang terkenal, sudah cukup baginya membuat kesimpulan walaupun tanpa berfikir panjang atau mengusul periksa lagi. Itulah yang mungkin berlaku apabila mereka membaca catatan Fatimah Syarha.

Sekali baca, tulisan beliau tidak nampak bermasalah. Tetapi, sekiranya direnung dan ditenung, jelaslah apa yang beliau ingin sampaikan. Berselindung di belakang sosok besar dunia Islam, Syeikh Yūsuf al-Qaraḍāwī yang disebut namanya galak kali, beliau sebarkan dakyah dan propoganda menyatakan berpurdah atau tidak adalah sama sahaja pada asalnya. Tidak ada yang lebih baik walaupun seluruh ulama Islam bersepakat bahawa berpurdah hukumnya adalah sunat.

Berbekalkan senjata ilmiah, saya menanggapi dakwaan beliau satu demi satu. Bermula dengan mendustakan dakwaan beliau bahawa sebahagian besar ulama berpendapat menutup muka tidak wajib, diteruskan pula dengan jawapan kepada sembilan dalil yang dikemukakan. Pada

akhirnya, saya merobek khayalan melampau beliau tentang amalan berpurdah sebelum disempurnakan dengan kesimpulan ringkas.

Risalah ini saya karang bertemankan tidak kurang daripada 150 rujukan berbahasa Arab dan beberapa rujukan dalam bahasa Melayu. Sebahagiannya dicatat intisarinya dan bakinya dibiarkan sahaja kerana tidak berkempatan atau tidak sesuai untuk dimuatkan pada mana-mana tempat dalam risalah ini. Tidak kurang juga kitab-kitab yang pada asalnya dibuka kerana disangka berkaitan dengan perbahasan tetapi selepas dibaca, rupa-rupanya tidak.

Penghujahan balas saya ke atas dalil-dalil Fatimah Syarha bukanlah dengan semborono. Oleh sebab saya tidak berkesempatan menghimpunkan kesemua hujah disebabkan kekangan masa, saya terpaksa memilih satu atau beberapa hujah terkuat sahaja yang disaring daripada pelbagai hujah yang disediakan alim-ulama. Saya juga tidak berkelapangan untuk menghuraikan jawapan selengkapnya.

Sepanjang penghasilan kritikan seratus halaman ini, saya cuba menolak untuk berlaku tidak adil terhadap lawan. Atas dasar ini juga, saya menolak untuk memihak kepada barisan ulama yang memilih pendapat yang mewajibkan kerana dilihat menggunakan hujah-hujah yang lemah dan jawapan yang dibuat-buat. Sedaya upaya saya cuba mengelak daripada dipengaruhi sikap taasub dan keghairahan mempertahankan pendapat sendiri. Jika masih terdapat sisa bakinya, saya ucapkan 'wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau-lampau dalam urusan kami dan teguhkanlah tapak pendirian kami (dalam perjuangan) dan tolonglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir."[1]

Di sini saya jelaskan bahawa saya tidak menolak khilaf tentang hukum menutup muka. Cuma, sama seperti Fatimah Syarha, saya juga ingin mempertahankan pendapat pilihan. Tetapi bukan itu tujuan utama.

---

[1] Terjemahan ayat 147, surah Ālu 'Imrān oleh Sheikh Abdullah Basmeih (1421 H); Tafsir *Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*; Kuala Lumpur: Darul Fikir; hal. 158.

Nawaitu di hati adalah membetulkan fakta tentang hukum menutup muka yang diselewengkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pada masa yang sama, saya ingin menjernihkan persepsi orang ramai tentang sahabat-sahabat kita daripada kalangan *mutanaqqibāt*. Rata-rata golongan awam pada hari ini memperlakukan purdah seolah-olah satu perkara yang diada-adakan jauh daripada menganggapnya satu sunnah atau tuntutan agama. Agamawan pula membisu, seolah-olah purdah memang tidak pernah berasal daripada Islam, hanya adat budaya Arab jahiliah yang diwarisi turun-temurun sehingga hari ini.

Khusus kepada Ustazah Fatimah Syarha dan pendukung pemikiran yang sama dengan beliau, saya mohon jangan simpan dendam semata-mata disebabkan kritikan saya. Saya bersama kalian dalam perjuangan Islam meskipun tidak berapa berkenan dengan pembawaan kalian. Apa-apa pun, pesan saya agar kalian betulkan dahulu kesilapan-kesilapan yang dilakukan. Kemudian, terbanglah setinggi-tingginya sampai ke awan pun melaungkan seruan dakwah.

Wassalam.

Kg. Kota, Kota Bharu,
26 Syawal 1424 H.

Pembaca berhak mempunyai pilihan yang
berbeza daripada penulis selagi mana
pilihan itu berdasarkan hujah.
Fatimah Syarha

Mukadimah

Alhamdulillah Tuhan alam segala. Selawat dan salam ke atas Rasulullah dan ahli keluarga.

Ammabakdu, sesungguhnya amar makruf nahi mungkar satu kewajipan. Antara perkara mungkar adalah menyelewengkan dan mengubahsuai nusus agama mengikut kehendak nafsu. Alim-ulama sama sekali tidak reda dengan jenayah ini. Mereka bertungkus-lumus menepis pendustaan dan kekarutan hasil usaha sama musuh jin dan manusia.

Selepas menjawab Mazrisyam bin Sharif dalam isu *bid'ah*, saya cuba membetulkan kefahaman Prof. Madya Dr. Asri Zainul Abidin tentang muzik dan nyanyian wanita. Kali ini, saya terdorong untuk menyentuh perihal amalan menutup muka yang dibangkitkan oleh Ustazah Fatimah Syarha binti Mohd Noordin dalam laman peribadinya dalam makalah bertajuk, *Berniqab atau Tidak Berniqab?*.[2]

Fatimah Syarha, seorang graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan bukan orang biasa sebelum bergelar sarjana dalam pengkhususan *fiqh* dan *uṣūl al-fiqh*. Beliau di sisi masyarakat remaja adalah seorang tokoh yang cukup berpengaruh. Karya-karyanya baik dalam bentuk novel, buku motivasi, mahupun artikel diterima umum. Tetapi malangnya, beliau telah melakukan kesilapan yang parah apabila mengutarakan pendapatnya dengan cara yang tidak wajar.

---

[2] Lihat: http://sebarkanbahagia.blogspot.com/2011/07/berniqab-atau-tidak-berniqab .html bertarikh 5 Julai 2011.

Saya yakin, para pembaca tentu tidak faham mengapa saya boleh menuduh beliau sebegitu rupa. Tidak mengapa, izinkan saya menerangkan satu-persatu kebenaran dakwaan saya. Saya tidak bercakap kosong atau melampau dalam memperihalkan keadaan.

Walau bagaimanapun, risalah ini didahulukan dengan ucapan maaf kepada Fatimah Syarha jikalau ada melakukan kekasaran. Saya tidak berniat untuk menjatuhkan nama baik saudari tetapi saya terpaksa menegur dengan cara begini. Anggaplah apa yang saya tulis ini sebagai nasihat yang membina, bukan teguran yang menghina. Ketahuilah, saya hanya menjalankan tugas saya, menerangkan kebenaran.

Hayatilah mutiara kata Syeikh Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1420 M), salah seorang ulama yang memihak kepada saudari dalam masalah yang akan dikupas nanti;

> Seorang manusia menyalahkan manusia yang lain, ini adalah perkara wajib dalam Islam. Menyalahkan bukan bermaksud mengkritik apalagi sebagai satu celaan atau cercaan. Menyalahkan itu sebenarnya menerangkan kebenaran.[3]

---

[3] Lihat: 'Alī bin Ḥasan al-Ḥalabī (1431 H); *Manhaj al-Salaf al-Ṣāliḥ fī Tarjīḥ al-Maṣāliḥ wa-Taṭwīḥ al-Mafāsid wa-al-Qabā'iḥ fī Uṣūl al-Naqd wa-al-Naṣā'iḥ*; Amman: al-Dār al-Athariyyah; hal. 44.

Tidak berniqab pula menjadi utama
dipilih oleh wanita yang menekuni fiqh
dakwah pada zaman ini.
Fatimah Syarha

Bab Satu

Memahami Pendirian Fatimah Syarha

Sebelum mengkritik, kita harus mengenal apa yang ingin dikritik. Saya ingin mengkritik pemikiran Fatimah Syarha dalam persoalan hukum menutup muka. Untuk itu, saya perlu mendalami pendirian beliau tentang masalah ini terlebih dahulu.

Secara ringkasnya, saya dapati beliau berpendapat, menutup muka daripada pandangan lelaki ajnabi atau dengan istilah lain, memakai niqab atau purdah bukanlah sesuatu yang diwajibkan syarak. Bagi beliau, menutup muka terkadang lebih *afḍal* dan dalam sesetengah keadaan menjadi *mafḍūl*. Ini bermakna, hukumnya tidak akan menjadi wajib meskipun wanita itu cantik, dipandang dengan syahwat, atau menimbulkan fitnah. Kata beliau;

> Kadang-kadang memakai niqab menjadi lebih utama dipilih, Kadang-kadang tidak memakai niqab pula menjadi lebih utama dipilih.

Beliau mengakui bahawa terdapat khilaf dalam masalah ini. Namun begitu, jumhur ulama tidak mewajibkan menutup muka. Pendapat ini dipilih kerana tiga sebab. Pertama, kekuatan dalil. Kedua, pertimbangan akal yang sejahtera. Ketiga, *wāqi'* yang berlangsung pada zaman ini. Jelasnya;

> Pendapat ini berdasarkan dalil-dalil syariat dan riwayat daripada para sahabat (*āthār*) dan bersandarkan kepada pandangan dan perbandingan akal sihat serta diperkuat pula oleh kenyataan yang berlaku pada zaman keemasan umat ini.

Sekiranya saya silap, mohon betulkan.

Dalam artikel tersebut, Fatimah Syarha kerap mengutip perkataan Syeikh Yūsuf al-Qaraḍāwī, Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia. Dengan ini, saya dapat putuskan bahawa al-Qaraḍāwī adalah tokoh utama yang mempengaruhi beliau untuk mengeluarkan kesimpulan tadi. Tidak salah kalau dikatakan, beliau taasub kepada al-Qaraḍāwī. Namun begitu, saya tidak mahu mengkritik atas nama al-Qaraḍāwī tetapi atas nama Fatimah Syarha kerana saya menganggap beliau menyokong semua pendapat al-Qaraḍāwī yang beliau nukilkan.

Ini adalah pendapat majoriti ulama
fiqh *sejak zaman sahabat*
Fatimah Syarha via al-Qaraḍāwī

Bab Dua

Menolak Penisbahan Pendapat Tidak Wajib Menutup Muka
kepada Jumhur

Mengkritik dalil-dalil yang disenaraikan Fatimah Syarha tidak lengkap tanpa memperbetulkan kesilapan menisbahkan pendapat tidak wajibnya menutup muka kepada jumhur ulama. Oleh itu, saya rasa wajib diterangkan perkara sebenar. Sesungguhnya, mazhab jumhur ulama adalah mewajibkan wanita menutup muka daripada pandangan ajnabi sekali gus bercanggah dengan dakwaan Fatimah Syarha.

Sebelum menyelongkar kutubkhanah mazhab untuk pembuktian, ada dua asas yang mustahak difahami. Tidak dapat tidak. Tanpanya, kesilapan yang teruk boleh berlaku. Dua asas tersebut ialah: pertama, setiap ulama mempunyai istilah tersendiri. Seorang ulama mungkin mengatakan muka itu aurat tetapi tidak mewajibkan menutupnya. Barang kali ada ulama menyatakan muka tidak aurat tetapi memestikan menutupnya. Oleh itu, harus diketahui apakah maksud aurat di sisi mereka. Nas dalam satu-satu masalah tidak mencerminkan pendapat dalam masalah yang lain.

Selain itu, mengharuskan mendedahkan muka tidak semestinya secara mutlak. Barang kali keharusan tersebut dalam keadaan-keadaan tertentu dan menjadi wajib pada keadaan-keadaan lain. Begitu juga mewajibkan menutup muka tidak semestinya pada setiap ketika. Ini bermakna, pendapat seorang ulama tentang hukum menutup muka memerlukan kenyataan yang jelas.

Kedua, pandangan seorang ulama tidak boleh dianggap pandangan muktamad bagi mazhabnya. Boleh jadi pandangannya bersifat peribadi dan terpencil. Jadi, untuk mengetahui pendapat muktamad mazhab, kaedah-kaedah yang diputuskan oleh mereka harus diikuti. Setiap

mazhab mempunyai kaedah tersendiri. Tidak semestinya pendapat yang masyhur antara ulama mazhab adalah pendapat muktamad di sisi mereka.

Amat dikesalkan, dua asas ini tidak difahami oleh ramai orang termasuklah yang berperwatakan alim dan faqih. Malah, orang yang diangkat sebagai ulama dunia pun masih gagal memahami permasalahan ini hanya kerana cuai dalam mematuhi kaedah yang benar dalam berurusan dengan *turāth*. Akhirnya, tinggalan ulama-ulama terdahulu disalahtafsirkan atau dalam banyak keadaan, disalahgunakan!

Pandangan Mazhab Shāfi'ī

Saya mulakan pembuktian dengan mazhab Shāfi'ī selaku mazhab umum di Malaysia. Dalam mazhab Shāfi'ī, terdapat dua pendapat. Pendapat pertama, menutup muka bagi wanita adalah wajib. Pendapat kedua, hukumnya sunat. Menurut pendapat ini, hukumnya menjadi wajib sekiranya menimbulkan fitnah. Saya tidak tahu mana satu pendapat muktamad di sisi mazhab kerana kedua-duanya diterima oleh ulama mazhab.

Imam al-Nawawī (676 H) yang merupakan imam yang menjadi rujukan untuk mengetahui pendapat muktamad[4] pun boleh dikatakan mempunyai dua *qawl* dalam masalah ini. Hal ini disebabkan beliau memberi fatwa bertepatan dengan mazhab pertama tetapi menukilkan pendapat kedua daripada para ulama menerusi Kadi 'Iyāḍ (544 H) di dalam syarahnya ke atas *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kedua-dua nas adalah seperti berikut;

Nas pertama: beliau ditanya:

> Adakah harus bagi seorang Muslimah mendedahkan muka dan seumpamanya daripada badannya di hadapan

[4] 'Alawī bin Aḥmad al-Saqqāf (1425 H); *Mukhtaṣar al-Fawā'id al-Makkiyyah fī-Mā Yaḥtājuhu Ṭalabah al-Shāfi'iyyah*; Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah; hal. 72.

> perempuan Yahudi, Nasrani, dan sebagainya daripada kalangan wanita-wanita kafir? Adakah terdapat khilaf dalam perkara tersebut di dalam mazhab Imam al-Shāfi'ī dan apa dalilnya.[5]

Maka, jawab beliau:

> Tidak harus baginya melakukannya melainkan sekiranya wanita kafir itu adalah hambanya. Inilah pendapat yang sahih di dalam mazhab al-Shāfi'ī *raḍiya Allāh 'anhu*...[6]

Walaupun fatwa beliau tentang hukum mendedahkan aurat di hadapan wanita bukan Islam, fatwa ini tetap boleh disimpulkan sebagai menjawab persoalan mendedahkan wajah sehingga dilihat lelaki ajnabi kerana dua sebab.

Pertama, wanita bukan Islam dilarang melihat wanita Islam kecuali bahagian yang biasa terdedah ketika melakukan kerja[7] sahaja sedangkan lelaki ajnabi dilarang melihat kepadanya termasuk muka.[8] Ini bererti, apabila kepada wanita bukan Islam pun ia wajib menutup seluruh tubuh, apatah lagi kepada ajnabi.

Kedua, dalil yang beliau gunakan adalah sama dengan dalil yang digunakan untuk melarang wanita memperlihatkan dirinya kepada lelaki ajnabi iaitu ayat ke-31, surah al-Nūr. Ini bermakna, hukum wanita dengan kedua-dua golongan adalah sama.

Nas kedua:

Kata al-Nawawī:

---

[5] *Fatāwā al-Imām al-Nawawī* (1417 H); Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah; hal. 180.
[6] *Ibid.*
[7] Iaitu: muka, kepala, tangan hingga separuh lengan, dan kaki hingga separuh betis. [Rujuk: Khālid al-Shaqafah (1424 H); *Madhhab al-Shāfi'ī fī al-'Ibādāt wa-Adillatuhā*; Kaherah: Dār al-Salām; hal. 239]
[8] Lihat: *Minhāj al-Ṭālibīn wa-'Umdah al-Muftīn* (1426 H); Jedah: Dār al-Minhāj; hal. 372-373.

> Kata Kadi: kata ulama: dalam hadis ini terdapat bukti bahawa wanita tidak wajib menutup wajah di jalannya. Menutup muka hanyalah sunnah *mustaḥabbah* baginya.[9]

Ini seolah-olah menunjukkan beliau bersetuju dengan pendapat tersebut seperti yang difahami oleh Khatib al-Shirbīnī (977 H) dengan katanya:

> Pengarang (al-Nawawī) menukilkannya daripada beliau (Kadi 'Iyāḍ) dan menyetujuinya.[10]

Demikian juga kata Imam Ibn al-Mulaqqan (804 H).[11] Walau bagaimanapun, al-Shirbīnī tidak menganggap itulah pendapat yang dipilih oleh al-Nawawī, bahkan pendapat al-Nawawī dan al-Rāfi'ī bertentangan dengan pendapat yang dinukilkan dan tidak mungkin dapat disatukan sebagaimana cubaan sebahagian ulama dengan *tawjīh* bahawa memang tidak wajib menutup muka pada zatnya tetapi kerana maslahat, menjaga maruah, dan lain-lain.

> Zahir perkataan Shaykhān (al-Nawawī dan al-Rāfi'ī), menutup muka wajib pada zatnya. Oleh itu, (pendapat mereka dengan pendapat yang dinukilkan itu) tidak boleh dijamakkan sementara kata-kata Kadi lemah.[12]

Perkataan al-Shirbīnī ini diulangi oleh Shams al-Dīn al-Ramlī di dalam *Nihāyah al-Muḥtāj*. Akan tetapi, saya tidak tahu kata-kata al-Nawawī yang manakah dimaksudkan oleh mereka. Apatah lagi al-Shirbīnī selang beberapa baris mengakui bahawa:

---

[9] *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim* (t.t.); Bayt al-Afkār al-Dawliyyah; hal. 1353.
[10] Khaṭīb al-Shirbīnī (1418 H); *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāẓ al-Minhāj*; Beirut: Dār al-Ma'rifah; jil. 3, hal. 174. Lihat juga: Ibn al-Mulaqqan (1421 H); *'Ajālah al-Muḥtāj ilā Tawjīḥ al-Minhāj*; Irbid: Dār al-Kitāb; hal. 1169.
[11] Ibn al-Mulaqqan (1421 H); *'Ajālah al-Muḥtāj ilā Tawjīḥ al-Minhāj*; Irbid: Dār al-Kitāb; hal. 1169.
[12] *Ibid*.

> Zahir perkataan pengarang (al-Nawawī) menunjukkan bahawa muka dan tapak tangannya bukan aurat. Mereka hanya menyertakan kedua-duanya dalam bahagian yang haram dilihat.[13]

Oleh yang demikian, saya tidak dapat memutuskan manakah pendapat yang dipilih oleh Imam al-Nawawī meskipun mengikut kaedahnya, *Fatāwā* beliau didahulukan daripada nas beliau dalam *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*.[14] Saya juga takut kalau-kalau fatwa beliau sekadar jawapan umum kepada soalan yang diajukan dengan tidak mengambil kira kandungan soalan secara tafsil sehingga apa yang difatwakan tidak harus itu bukan merujuk kepada perbuatan mendedahkan muka tetapi bahagian tubuh yang lain.

Sebelum berputus asa, rasanya elok diperhatikan percubaan yang dilakukan oleh Ibn al-Mulaqqan untuk menjamakkan antara dua pendapat Imam al-Nawawī ini. Namun begitu, pendapat yang mewajibkan bukan berdasarkan fatwa beliau, tetapi berdasarkan nukilan ittifak akan larangan wanita keluar dengan wajah terdedah daripada Imam al-Juwaynī (478 H) di dalam *Rawḍah al-Ṭālibīn* juga tanpa sebarang bantahan. Kata beliau:

> Ketahuilah sesungguhnya pengarang (al-Nawawī) dan lain-lain mengandaikan khilaf dalam keadaan aman sementara imam (al-Juwaynī) mengandaikannya (ittifak) dalam keadaan tidak jelas (aman daripada fitnah) kerana takutkan fitnah dan (kata-katanya) ini baik kerana aman itu jarang kecuali bagi orang yang terpelihara.[15]

Tamat, sekarang pandangan ulama-ulama terkemudian khususnya Ibnu Ḥajar al-Haytamī dan Shams al-Dīn al-Ramlī pula diperlukan untuk menentukan pendapat muktamad mazhab sebagaimana kaedah umum

---

[13] *Ibid*.
[14] Lihat: ʾAlawī bin Aḥmad al-Saqqāf (1425 H); *Mukhtaṣar al-Fawāʿid al-Makkiyyah*; *op. cit*; hal. 73.
[15] *ʾAjālah al-Muḥtāj*; *op. cit*; hal. 1169.

yang diguna pakai *muta'khkhirīn*.[16] Malangnya, Ibnu Ḥajar dan al-Ramlī pun tidak sepakat dalam hal ini.

Ibnu Ḥajar berpendapat sunat menutup muka tetapi makruh meninggalkannya.[17] Walau bagaimanapun, hukumnya berubah menjadi haram sekiranya diyakini ada lelaki ajnabi sedang merenung wajahnya. Al-Ramlī pula memilih untuk mewajibkan menutup muka secara mutlak. Pendapat Ibnu Ḥajar ini boleh dilihat antaranya di dalam syarahnya ke atas kitab *al-Īḍāḥ* oleh Imam al-Nawawī yang berbunyi:

> Sementara kata-kata sebahagian mereka (ulama mazhab) bahawa mesti berpurdah sekiranya tidak terpelihara daripada pandangan orang ramai kepada wajahnya, harus dianggap sekiranya dipastikan ajnabi memandangnya seperti yang zahirnya kerana tidak menutupnya pada saat itu bererti bersubahat melakukan maksiat atau (kemestian berpurdah itu) dengan makna menguatkan galakan (supaya menutup wajahnya). Sekiranya tidak, ini bertentangan dengan apa yang dikatakan mereka dalam bab nikah bahawa harus bagi wanita membuka wajahnya secara ijmak sementara lelaki wajib menundukkan pandangan. Ini tidak pula bertentangan dengan ijmak bahawa wanita diperintahkan menutup wajah kerana tidak semestinya perintah ke atasnya demi kepentingan umum menunjukkan kewajipan.[18]

Di dalam *al-Manhaj al-Qawīm* pula, beliau menyebutkan:

> Aurat perempuan merdeka yang kecil atau besar di dalam solat dan di sisi ajnabi walaupun di luar solat seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan depan dan belakang hingga ke pergelangan tangan walaupun tidak aurat

---

[16] Lihat: *Mukhtaṣar al-Fawā'id al-Makkiyyah; op. cit;* hal. 76.
[17] Lihat: *Ḥāshiyah al-Tarmasī* (1433H); Jedah: Dār al-Minhāj; jil. 3, hal. 217.
[18] *Ḥāshiyah al-'Allāmah Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī 'alā Sharḥ al-Īḍāḥ fī Manāsik al-Ḥajj li-al-Imām al-Nawawī* (t.t); Beirut: Dār al-Ḥadīth; hal. 276.

> sehingga wajib ditutup kerana keperluan memerlukan mendedahkannya. Haramnya melihat kepada muka dan tapak tangan (daripada tubuh wanita merdeka) dan bahagian antara pusat dan lutut daripada tubuh hamba wanita bukan kerana keauratannya tetapi kerana memandang kepadanya punca fitnah.[19]

Bahkan, beliau mendakwa:

> Kesimpulan mazhab kita, Imām al-Ḥaramayn menukilkan ijmak di atas keharusan wanita keluar dengan wajah terbuka sementara wajib ke atas lelaki untuk menundukkan pandangan. Nukilan ini dianggap bercanggah dengan nukilan Kadi ʼIyāḍ bahawa ijmak ulama melarangnya daripada mendedahkan wajah.[20]

Jelas sekali Ibnu Ḥajar telah waham dalam menghikayatkan nas Imam Kadi ʼIyāḍ. Selain tertukar antara kata-kata Kadi ʼIyāḍ dengan perkataan al-Juwaynī, beliau tersilap dalam memahaminya. Tidak ada ijmak keharusan wanita keluar dengan wajah terbuka. Walau bagaimanapun, kesilapan ini hanya berlaku dalam fatwa ini yang menunjukkan beliau terlupa.

Sungguhpun begitu, apa yang disebut adalah benar sebagai pendapat beliau. Tetapi harus diingat, beliau tidak mengharuskannya secara mutlak tetapi dengan syarat tidak menimbulkan fitnah sebagaimana yang dijelaskan beliau sendiri dalam fatwa yang sama;

> ... Dengan apa yang disebutkan oleh Imām (al-Ḥaramayn) mesti dianggap (dimaksudkan) jika wanita itu (mendedahkan wajahnya) bukan untuk dilihat atau ia tidak tahu ada sesiapa memandang kepadanya. Adapun

---

[19] Lihat: *Ḥāshiyah al-Tarmasī*; *op. cit*; jil. 3, hal. 215-216.

[20] Lihat: *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah ʼalā Madhhab al-Imām al-Shāfiʼī* (1417 H); Lubnan: Dār al-Kutub al-ʼIlmiyyah; jil. 1, hal. 283 dalam versi elektronik yang dimuat turun menerusi pautan http://islamspirit.com/play.php?catsmktba=1678.

> sekiranya ia mendedahkannya untuk dilihat maka ia haram melakukannya kerana ia bermaksud menyebabkan berlakunya maksiat. Begitu juga sekiranya ia tahu ia dilihat oleh orang yang tidak dihalalkan baginya (iaitu bukan *maḥram*), maka wajib baginya menutup wajahnya...[21]

Tidak dijelaskan apakah yang dimaksudkan dengan 'memandang'; pandangan biasa atau pandangan yang lama - merenung. Jika merenung, adakah merenung biasa atau dengan syahwat? Bagi saya, maksud beliau adalah merenung mutlak. Jika sekadar pandangan biasa pun sudah mewajibkan menutup muka, mustahil. Tidak ada seorang pun dapat mengamalkannya.

Sementara itu, al-Ramlī menukilkan kata-kata al-Shirbīnī, zahir perkataan al-Nawawī dan al-Rāfi'ī menutup muka wajib pada zatnya dalam *Nihāyah al-Muḥtāj* tanpa apa-apa ulasan yang menunjukkan beliau mengeyakannya. Sebahagian ulama menyandarkan kata-kata tadi kepada al-Ramlī seakan-akan menjazamkannya sebagai pendapat beliau.[22] Selain itu, beliau mengihtimalkan wanita harus menutup muka dalam walaupun dalam ihram jika itu adalah satu-satunya cara untuk mengelak daripada pandangan lelaki dengan fidyah. Katanya:

> *Lā yab'udu* bahawa harus ia menutup muka dengan fidyah sebagai satu-satunya cara untuk mengelakkan pandangan yang diharamkan.[23]

Syeikh al-Shabrāmallisī (1087 H) menjelaskan kata-kata al-Ramlī, tidak ditolak kemungkinan harus ia menutup muka...;

---

[21] *Ibid*; hal. 284.

[22] Lihat: Syed Muḥammad al-Jurdānī (1418 H); *Fatḥ al-'Allām bi-Sharḥ Murshid al-Anām fī al-Fiqh 'alā Madhhab al-Sādah al-Shāfi'iyyah*; Beirut: Dār Ibn Ḥazm; jil. 2, hal. 147.

[23] *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj fī al-Fiqh 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* dengan catatan al-Shabrāmallisī dan al-Rashīdī (1424 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 3, hal. 333.

> Iaitu bahkan mesti menjadi wajib dan ini tidak bercanggah dengan perkataan 'harus' yang digunakan kerana keharusan tersebut selepas larangan maka bertepatan dengan wajib.[24]

Lā yab'udu: tidak dianggap jauh/tidak ditolak.[25] Ini bermakna, hukum menutup muka daripada ajnabi adalah wajib walaupun ketika ihram di sisi al-Ramlī namun tidak secara jazam. Itu pun sekiranya *lā yab'udu* di sini tidak difahami sebagai *ṣīghah al-tamrīḍ* sebagaimana yang disebut oleh Syeikh 'Alawī al-Saqqāf dalam salah satu tempat di dalam *Fawā'id* beliau.[26] Walau bagaimanapun, pendapat ini dikuatkan oleh sesetengah ulama mazhab - seperti yang akan dijelaskan.

Kemudian, saya menemui nas yang jelas-jelas menunjukkan beliau berpendapat wajib menutup muka, juga di dalam *Nihāyah* semasa berbicara tentang keharusan - atau kewajipan - melihat wajah wanita oleh saksi sebelum akad nikah:

> ... Sekiranya saksi dapat mengenalinya dalam keadaan berpurdah, tidak perlu lagi membukanya. Maka ketika itu, haram lagi membukanya kerana tiada keperluan untuk itu.[27]

Walhasil, berdasarkan amalan ulama-ulama mazhab yang memuktamadkan pendapat Ibnu Ḥajar dan al-Ramlī, terdapat dua *qawl* dalam mazhab. Masing-masing pendapat yang kuat dan boleh diikuti. Bagi yang cenderung kepada Ibnu Ḥajar, mereka akan menghukumkan sunat menutup muka dalam keadaan biasa dan wajib dalam keadaan

---

[24] *Ibid.*

[25] *Lā yab'udu kadha*: makna istilah ini, makna ihtimal bagi ibarat. Pengarang apabila menutup perenggan dengan katanya, *lā yab'udu kadha* memaksudkan bahawa ia tidak memutuskan makna tersebut. Makna tersebut hanya diihtimalkan oleh ibarat. [Nu'mān Mubārak Jughaym (t.t); *al-Iṣṭilāḥāt al-Kalamiyyah wa-al-Ḥarfiyyah fī al-Madhhab al-Shāfi'ī*; tanpa penerbit; hal. 16]

[26] Lihat: 'Alawī bin Aḥmad al-Saqqāf (1425 H); *Mukhtaṣar al-Fawā'id al-Makkiyyah*; *op. cit*; hal. 101.

[27] *Nihāyah al-Muḥtāj; op. cit*; jil. 3, hal. 198.

tertentu. Mereka yang condong kepada al-Ramlī pula akan menganggapnya wajib dalam keadaan biasa dan harus dalam keadaan tertentu.

Antara ulama-ulama mazhab yang memilih pendapat mewajibkan selain Shams al-Dīn al-Ramlī adalah:

Pertama, Imam al-Juwaynī. Beliau menukilkan kesepakatan kaum Muslimin melarang wanita daripada menanggalkan purdah. Lafaznya:

> ... Ittifak Muslimin melarang wanita daripada berhias, mendedahkan muka, dan meninggalkan purdah.[28]

Beliau mengatakannya sebagai menyokong keharaman melihat kepada wajah wanita walaupun dalam keadaan aman daripada fitnah - tanpa keperluan. Penukilan ijmak ini menunjukkan beliau berpandangan wajib menutup muka.

Kedua, murid beliau, Imam al-Ghazālī (505 H). Dalam kitab *Iḥyā'*, beliau menjelaskan kewajipan wanita menjaga pandangan daripada melihat lelaki ajnabi. Kemudian, beliau mengatakan:

> Kami tidak mengatakan wajah lelaki baginya (wanita) aurat seperti wajah wanita baginya (lelaki) malah wajah lelaki itu seperti wajah kanak-kanak *amrad* bagi lelaki justeru tidak boleh dilihat ketika ditakuti berlaku fitnah sahaja. Jika tidak, tidak mengapa. kerana terus-meneruslah sepanjang zaman lelaki mendedahkan muka dan wanita keluar dengan memakai purdah. Sekiranya muka lelaki aurat bagi wanita pasti mereka akan diperintahkan untuk berpurdah atau dilarang daripada keluar kecuali kerana darurat.[29]

---

[28] *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhhab* (1428 H); Jedah: Dār al-Minhāj; jil. 12, hal. 31.
[29] *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (1428 H); Kaherah: Dār al-Sha'b; jil. 4, hal. 729.

Perhatikan ayat terakhir, sekiranya muka lelaki aurat bagi wanita pasti mereka akan diperintahkan untuk berpurdah - menutup muka. Ini bermakna, wanita disuruh menutup muka kerana wajahnya aurat bagi lelaki. Di tempat lain, ketika menjelaskan keadaan perogol menyuruh wanita yang dirogol menutup muka, beliau mengatakan:

> Sesungguhnya kami mengatakan, kata-katanya (perogol) kepada wanita (yang dirogolnya) dalam keadaan tersebut "jangan dedahkan muka kamu" (sama ada) wajib, harus, atau haram. Sekiranya kamu mengatakan wajib, inilah yang dikehendaki kerana mendedahkannya maksiat dan mencegah maksiat itu benar...[30]

Ketiga, Imam Ibn al-Naqīb (769 H). Menurut beliau;

> Haram baginya mendedahkan mana-mana bahagian tubuhnya kepada *murāhiq* atau wanita kafir.[31]

Sama seperti yang dijelaskan, mendedahkan muka haram kepada *murāhiq* dan wanita kafir, maka apatah lagi kepada lelaki ajnabi.

Keempat, Imam Ibnu Raslān (844 H). Senada dengan apa yang disebutkan oleh al-Juwaynī, beliau menyebutkan:

> ... Ittifak Muslimin melarang wanita keluar dengan muka terdedah lebih-lebih lagi ketika ramainya orang-orang fasiq.[32]

Kelima, Khatib al-Shirbīnī. Ini sebagaimana zahir kata-katanya:

> ... (Dimakruhkan) juga lelaki solat dengan menutup muka dan wanita solat dengan memakai purdah kecuali ia

---

[30] *Ibid*; jil. 7, hal. 1199.
[31] *Fatḥ al-Qarīb al-Mujīb fī Sharḥ Alfāẓ al-Taqrīb* (1425 H); Beirut: Dār Ibn Ḥazm; hal. 73.
[32] Lihat: al-Shaykānī (1426 H); *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*; Riyadh: Dār Ibn al-Qayyim; jil. 6, hal. 550.

> (wanita itu) berada di tempat yang terdapat ajnabi yang tidak (dapat) menjaga pandangan daripada melihatnya. Maka, (dalam keadaan ini), tidak harus membuka purdah.[33]

Ini dikuatkan dengan kenyataan beliau tentang penyaksian terhadap wanita berpurdah di dalam *Mughnī*;

> [Sekiranya (saksi dapat) mengecamnya dengan rupanya atau dengan nama dan nasab (tanpa membuka purdahnya) maka harus] diterima penyaksiannya ke atas wanita tersebut. Purdah tidak menjejaskannya. *Bal*, harus baginya membuka wajahnya ketika itu sebagaimana (yang disebutkan) di dalam al-Ḥāwī dan lain-lain.[34]

'Harus baginya... ketika itu' bermakna tidak harus pada waktu-waktu yang lain. Ini sekiranya tidak ada kesilapan cetakan kerana yang disebutkan dalam al-Ḥāwī adalah 'tidak'.

> Sekiranya wanita itu berpurdah, ia (saksi) dapat mengecamnya di sebalik purdah, ia tidak perlu/boleh membukanya.[35]

Begitu juga yang dinukilkan oleh Shihāb al-Dīn al-Ramlī (957 H) daripada al-Ḥāwī.[36] Walau bagaimanapun, nas asal sama ada 'harus' atau 'tidak harus' mendedahkan muka dalam keadaan tadi jelas menunjukkan kewajipan menutupnya pada keadaan biasa.

Keenam, Imam Ibn Qāsim al-Ghazzī (918 H). Dalam syarahnya ke atas matan Abū Shujā' (593 H), disebutkan:

---

[33] *Al-Iqnā' fī Ḥalli Alfāḍ Abī Shujā'* (1425 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 1, hal. 285.

[34] *Mughnī al-*Muḥtāj; *op.cit*; jil. 4, hal. 596.

[35] *Al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (1414 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 17, hal. 45.

[36] *Ḥāshiyah al-Ramlī 'alā Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍah al-Ṭālib* (t.t); jil. 4, hal. 366; versi al-Maktabah al-Shāmilah 3.48.

> Aurat perempuan merdeka di dalam solat, seluruh tubuh melainkan wajah dan kedua-dua belah tapak tangannya depan dan belakang hingga ke pergelangan tangan. Adapun auratnya di luar solat, seluruh tubuhnya. Auratnya semasa bersendirian seperti (aurat) lelaki. Aurat dari segi bahasa, kekurangan. Dalam (istilah) syarak, digunakan untuk apa yang wajib ditutup - inilah yang dimaksudkan di sini - [dan][37] apa yang haram melihatnya...[38]

Daripada kenyataan beliau, seluruh tubuh wanita adalah aurat di luar solat iaitu di sisi lelaki ajnabi.[39] Beliau tidak menyebut 'aurat pada pandangan' tetapi, aurat di luar solat. Ini bukti beliau berpendapat wajib menutup muka daripada ajnabi. Selain berdasarkan *dalālah al-aqrān*, perkara ini disokong dengan penyebutan 'aurat yang wajib ditutup' secara *iṭlāq* tanpa mengaitkannya dengan solat.

Ketujuh, Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī (926 H). Dalam perbincangan bab mengapankan jenazah perempuan beliau berkata:

> ... Dan wajib menutupnya (muka dan kedua-dua belah tapak tangan wanita) ketika hidup bukan kerana (muka dan tapak tangan itu) aurat tetapi kerana melihat kepadanya membawa kepada fitnah pada ghalibnya.[40]

Kelapan, Shihāb al-Dīn al-Ramlī. Beliau ditanyakan, adakah wajib wanita menutup mukanya di luar solat bersama dengan ajnabi? Jawab beliau bahawa;

---

[37] Tambahan ini berdasarkan *Ḥāshiyah al-Shaykh Ibrāhīm al-Bayjūrī 'alā Sharḥ Ibn al-Qāsim al-Ghazzī* (1420 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 1, hal. 272.
[38] *Nihāyah al-Muḥtāj; op. cit*; jil. 3, hal. 198.
[39] Lihat: *Ḥāshiyah al-Shaykh Ibrāhīm al-Bayjūrī; op. cit*.
[40] *Al-Ghurar al-Bahiyyah fī Sharḥ Manẓūmah al-Bahjah al-Wardiyyah* (1418 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 3, hal. 243.

> Wajib... sebagaimana yang disahihkan (oleh al-Nawawī) di dalam *Minhāj* dan kuatnya kalam *al-Sharḥ al-Ṣaghīr* (oleh al-Rāfi'ī (623 H)) menandakan ketepatannya dan beliau menyandarkannya dengan kesepakatan kaum Muslimin melarang wanita keluar dengan wajah terbuka. Mereka (al-Nawawī dan al-Rāfi'ī masing-masing) menukilkan kesepakatan ini di dalam *Rawḍah* dan usulnya (*al-'Aziz Sharḥ al-Wajīz*) dan mengeyakannya. Kata al-Bulqīnī: *tarjīḥ* berdasarkan kekuatan *mudrak* dan fatwa berdasarkan apa yang di dalam *Minhāj*. Beliau menjazamkannya dalam *Tadrīb*. Kata al-Adhra'ī: bahkan zahirnya, ini adalah pilihan jumhur.[41]

Kesembilan, Syeikh Qalyūbī (1069 H). Dalam catatannya ke atas syarah *Minhāj al-Ṭālibīn* oleh al-Maḥallī (864 H), dikatakan:

> Katanya [dan aurat wanita merdeka] iaitu di dalam solat... Adapun, di sisi wanita kafir, apa yang terdedah ketika bekerja. Adapun di sisi wanita Islam dan lelaki *maḥram*, seperti (aurat) lelaki. Adapun di sisi lelaki ajnabi, seluruh tubuh. Adapun ketika bersendirian, seperti (auratnya dengan) *maḥram*. Dikatakan, seperti (aurat) lelaki.[42]

Lihat, beliau menggunakan perkataan 'di sisi' bukan 'pada pandangan' atau seumpamanya. Selain itu, inilah mafhum yang sahih berdasarkan *dalālah al-aqrān*; semua jenis aurat lain yang disebutkan adalah dari segi wajib ditutup, bukan tidak boleh dilihat semata-mata.

Ini terbukti apabila beliau mengatakan secara jelas, juga dalam kitab yang sama;

---

[41] *Fatāwā al-Ramlī fī Furū' al-Fiqh al-Shāfi'ī*; (1421 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; hal. 415.
[42] *Ḥāshiyatān; Qalyūbī - 'Umayrah*; (1415 H); Beirut: Dār al-Fikr; jil. 1, hal. 201.

> Katanya [kerana melihat...] maka mereka (wanita merdeka) diharamkan daripada keluar dengan wajah terbuka kerana merupakan sebab kepada perkara haram...

Kesepuluh, Syeikh Muḥammad Arshad al-Banjārī (1227 H). Dalam karya beliau yang terkenal di alam Melayu, *Sabīl al-Muhtadīn*, disebutkan bahawa;

> Maka diketahui daripada yang demikian itu bahawasanya wajib menutup keduanya (muka dan tapak tangan) di luar sembahyang di hadapan laki-laki yang bukan *maḥram*-nya itu kerana memeliharakan daripada fitnah jua bukan kerana keadaannya aurat.[43]

Kesebelas, Syeikh Sa'īd Bā'ishn (1270 H). Kata beliau:

> Peringatan: tidak ada pertentangan antara yang disebutkan berupa aurat wanita merdeka itu seluruh tubuhnya dengan apa yang disebutkan oleh pengarang (Bāfaḍl) bahawa seluruh tubuhnya aurat walaupun di sisi ajnabi kecuali muka dan kedua-dua belah tapak tangan kerana maksud aurat pertama, apa yang diharamkan dilihat meskipun bukan aurat dan aurat kedua, aurat sebenar. Oleh itu, wajib ia menutupnya (muka dan tapak tangan) *khawfa al-fitnah* mengikut pendapat muktamad.[44]

Beliau menggunakan ibarat *khawfa al-fitnah*: kerana bimbangkan fitnah iaitu *maf'ūl li-ajli-hi* dan tidak menjadikannya sebagai syarat - atau *qayd*. Ini menunjukkan beliau berpendapat wajib menutup muka dan *khawf al-fitnah* itu sebagai sebab. Sekiranya beliau memaksudkan *khafwa al-fitnah* itu sebagai syarat pasti beliau menyebut perkataan *idhā* atau *'inda*. Tambahan pula, ini bertepatan dengan pendapat sebahagian ulama lain dalam mazhab.

---

[43] *Sabīl al-Muhtadīn li-al-Tafaqquh fī Amr al-Dīn*; (t.t); Pattani: Maṭba'ah Ibn Halābī; jil. 1, hal. 184.
[44] *Sharḥ al-Muqaddimah al-Ḥaḍramiyyah* (1425 H); Jedah: Dār al-Minhāj; hal. 262.

Kedua belas, Syeikh al-Biqā'ī (selepas 1295 H) yang telah mensyarahkan kata-kata Ibn al-Naqīb tadi dengan lafaz yang hampir sama. Bunyinya:

> [Haram baginya] iaitu wanita [mendedahkan mana-mana bahagian tubuhnya] serta muka dan kedua-dua belah tapak tangannya [kepada *murāhiq*] iaitu kanak-kanak lelaki yang hampir baligh [atau] mendedahkan apa-apa daripadanya [kepada wanita kafir].[45]

Ketiga belas, Syeikh Nawawī al-Jāwī (1316 H). Tanpa boleh ditakwilkan lagi, beliau mengatakan:

> (Aurat) keempat: seluruh tubuhnya (wanita merdeka) termasuklah serpihan kuku. Ini adalah auratnya di sisi lelaki ajnabi. Maka, haram lelaki ajnabi melihat sedikit pun daripadanya dan wajib ke atas wanita menutupnya daripada lelaki ajnabi.[46]

Keempat belas, Syeikh Muḥammad al-Faṭānī (1333 H). Tertulis dalam kitabnya yang masyhur, *Maṭla' al-Badrayn*;

> Adapun auratnya (perempuan) di luar sembahyang maka sekalian badannya pada lelaki yang ajnabi. [47]

Kelima belas, Syeikh al-Ghamrāwī (selepas 1337 H). Beliau mensyarahkan kata-kata Ibn al-Naqīb dengan berkata;

> [Haram baginya] iaitu wanita [mendedahkan mana-mana bahagian tubuhnya] walaupun muka dan kedua-dua belah

---

[45] *Anwār al-Masālik Sharḥ 'Umdah al-Sālik wa-'Uddah al-Nāsik* (t.t); Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah; hal. 213.
[46] *Nihāyah al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi'īn* (1422 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; hal. 48.
[47] *Maṭla' al-Badrayn wa-Majma' al-Baḥrayn* (1405 H); Pattani: Maṭba'ah Bin Ḥalabī; hal. 29.

> tapak tangan [kepada *murāhiq* atau wanita kafir] maka hendaklah ia menutup diri sebagaimana ia menutup diri daripada ajnabi.[48]

Keenam belas, Syeikh Syed Aḥmad al-Shāṭirī (1360 H). Beliau menjelaskan kata-kata Syeikh Sālim al-Ḥaḍramī (1271 H) di dalam *Safīnah al-Najā* dengan berkata:

> Maknanya, bahagian aurat yang ketiga ialah aurat wanita merdeka dan hamba di sisi lelaki-lelaki ajnabi... iaitu seluruh tubuh termasuk muka dan tapak tangan. Maka, wajib ke atas mereka menutupnya dan haram lelaki-lelaki ajnabi itu melihat kepadanya walaupun sedikit.[49]

Ketujuh belas, Syeikh Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (1434 H). Dalam buku beliau yang tersohor, *Fiqh al-Sīrah* kelihatan secara terang kecondongan beliau kepada pendapat yang mewajibkan menutup muka. Antaranya, ulasan beliau pada peristiwa Yahudi Banī Qaynuqā' yang hendak mencabut purdah daripada wajah seorang wanita Islam;

> (Peristiwa) ini menunjukkan bahawa hijab yang disyariatkan Islam kepada wanita melitupi muka juga. Jika tidak, tidak ada sebarang keperluan untuk wanita itu berjalan di jalan dengan menutup muka. Kalaulah ia menutup muka bukan kerana melaksanakan hukum agama yang diperintahkan kepadanya, tidak ada sebab Yahudi melakukan perbuatan tersebut...[50]

Kelapan belas, Syeikh Musṭafā al-Khin, Musṭafā al-Bughā, dan/atau[51] 'Alī al-Sharbajī. Secara jelas, mereka mengatakan:

---

[48] *Ibid.*
[49] *Nayl al-Rajā bi-Sharḥ Safīnah al-Najā* (1428 H); Jedah: Dār al-Minhāj; hal. 26.
[50] *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah Ma'a Mūjaz li-Tārīkh al-Khilāfah al-Rāshidah* (1430 H); Damsyik: Dār al-Fikr; hal. 168.
[51] Saya bimbang kenyataan ini bukan daripada mereka bertiga tetapi daripada salah seorang atau dua daripada mereka.

> Adapun di sisi lelaki ajnabi, seluruh tubuhnya (Muslimah) adalah aurat. Oleh itu, ia tidak boleh mendedahkan sedikit pun daripada badannya kecuali kerana sesuatu halangan...[52]

Baiklah, daripada nukilan-nukilan di atas, terbukti bahawa pandangan yang mewajibkan wanita menutup muka adalah sekurang-kurangnya *qawl* yang masyhur kalau tidak muktamad pun di dalam mazhab Shāfi'ī. Sebenarnya, terdapat ramai lagi ulama-ulama lain dalam mazhab yang berpendapat wajib menutup muka. Insya-Allah sebahagiannya akan disebutkan di celah-celah perbincangan selanjutnya.

Harus difahami, kewajipan ini pada keadaan biasa. Dalam keadaan tertentu diharuskan bahkan diwajibkan menampakkan muka. Ketika ihram, mendedahkan wajah adalah wajib di sisi semua ulama mazhab. Ini selagi wajah tidak didapati direnung oleh ajnabi. Jika tidak, hukumnya diperselisihkan sama ada kekal seperti hukum asal iaitu wajib atau berubah menjadi haram.

Perkara ini antaranya diperjelaskan oleh Syeikh al-Bujayramī (1221 H) semasa mensyarahkan kata-kata Khatib al-Shirbīnī - yang dinukilkannya daripada Qalyūbī. Katanya:

> Katanya, [dan apabila wanita ingin menutup mukanya] diisyaratkan di dalamnya bahawa wajib mendedahkan mukanya meskipun di hadapan ajnabi dan walaupun bimbangkan fitnah sementara wajib ke atas mereka (ajnabi) menundukkan pandangan. Ini yang disebut oleh sebahagian mereka (ulama Shāfi'iyyah). Dan yang *muttajah*: lebih tepat[53] ketika ini, wajib baginya (wanita)

---

[52] *Al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (1413 H); Damsyik: Dār al-Qalam; jil. 1, hal. 126.

[53] Barangkali ini maknanya kerana saya tidak mendapatinya dalam mana-mana kamus istilah mazhab.

menutup (mukanya) dengan sesuatu yang tidak menyentuhnya (muka) yang akan disebutkan.[54]

Ini dipersetujui pula oleh Syeikh Muḥammad al-Jurdānī (1331 H)[55]. Sebenarnya, pendapat ini telah pun disentuh oleh Shams al-Dīn al-Ramlī dan al-Shabrāmallisī seperti dalam nukilan terdahulu tetapi mereka menambah - secara ihtimal, walaupun sehingga terpaksa menyentuh kulit muka dan membayar fidyah.

Sekian penukilan daripada ulama-ulama mazhab yang mewajibkan menutup muka. Daripada itu, didapati bahawa mereka berselisih dalam menentukan keauratan muka wanita di hadapan ajnabi. Sebahagiannya mengatakannya aurat dan sebahagian yang lain pula tidak. Namun begitu, mereka semua bersepakat mewajibkan wanita menutup muka.

Demi keadilan, saya senaraikan pula di sini sebahagian ulama Shāfi'iyyah yang memandang tidak wajib tetapi sunat wanita menutup muka - selain Ibnu Ḥajar al-Haytamī. Mereka ialah:

Pertama, Imam al-Ḥiṣnī (829 H). Menurutnya;

> Dimakruhkan solat dengan pakaian bergambar, (lelaki solat dengan) menutup muka, dan wanita dengan berpurdah kecuali ia (wanita itu) berada di masjid dan di sana terdapat ajnabi yang tidak terpelihara daripada memandang. Kalau melihat kepadanya (wanita tersebut) ditakuti membawa kepada *fasād*, haram baginya mengangkat purdah. Ini banyak terdapat di tempat-tempat ziarah seperti Bayt al-Maqdis - semoga Allah menambahkan kemuliaannya -. Oleh itu, perkara ini mesti dijauhi.[56]

---

[54] *Al-Bujayramī 'alā al-Khaṭīb* (1417 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 3, hal. 228.
[55] Lihat: *Fatḥ al-'Allām*; *op. cit*; jil. 4, hal. 278.
[56] *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥalli Ghāyah al-Ikhtiṣār* (1429 H); Jedah: Dār al-Minhāj; hal. 162.

Difahami daripada petikan di atas, wanita diwajibkan menutup muka hanya sekiranya diketahui bahawa terdapat ajnabi yang melihatnya dengan pandangan yang dibimbangkan membawa kepada *fasād* iaitu perkara yang tidak elok. Diyakini bahawa yang dimaksudkan bukanlah sampai zina atau mukadimahnya tetapi pandangan bersyahwat.

Inilah yang tersirat di sebalik kata-katanya di tempat lain, tentang keluarnya perempuan untuk solat hari raya:

> Ya, dimakruhkan perempuan muda yang cantik dan wanita yang berupa untuk hadir (solat hari raya); dan digalakkan perempuan tua untuk hadir dengan berpakaian biasa tanpa wangian. Aku mengatakan, mesti dijazamkan pada zaman kita pengharaman keluarnya perempuan-perempuan muda dan wanita-wanita yang mempunyai rupa kerana meratanya kerosakan... Adapun zaman kita, mereka (wanita) keluar untuk memperlihatkan perhiasan dan mereka tidak menjaga pandangan. Lelaki juga tidak memelihara pandangan mereka... Seorang Muslim (sepatutnya) tidak teragak-agak pun untuk melarang mereka (keluar) kecuali orang bodoh yang kurang pengetahuan tentang rahsia-rahsia syariat...[57]

Kemudian, perhatikan kata-katanya ‘mesti dijazamkan... pengharaman keluarnya perempuan-perempuan muda dan wanita-wanita yang mempunyai rupa kerana meratanya kerosakan.’ Menutup muka lebih mudah daripada keluar. Apabila dilarang daripada keluar, bermakna dilarang daripada menampakkan muka. Ini bagi perempuan muda dan wanita yang cantik. Daripada sini, difahami bahawa beliau meletakkan dua syarat lagi untuk diharuskan mendedahkan muka iaitu: pertama, bukan perempuan muda. Kedua, tidak cantik.

---

[57] *Ibid*; hal. 237.

Kedua, Syeikh al-Tarmasī (1338 H). Beliau menukilkan pendapat Ibnu Ḥajar di dalam *al-Ī'āb* tanpa bantahan. Nukilan tersebut antaranya berbunyi:

> Dengan apa yang dijelaskan diketahui bahawa wanita dengan kehadiran ajnabi tidak mesti menutup muka dan kedua-dua belah tapak tangannya walaupun haram melihatnya.... Akan datang kemudian (pada bab nikah) jamak antara nukilan ijmak bahawa tidak wajib bagi wanita keluar dengan menutup muka di jalannya - malah digalakkan dan makruh meninggalkannya, lebih-lebih lagi kedua-dua belah tangan - dengan ijmak bahawa mereka dilarang keluar dengan wajah terbuka itu dianggap bahawa perkara yang makruh dilarang (maka tidak semestinya perkara yang dilarang itu haram) atau bahawa (ijmak) yang kedua difahami apabila mereka sengaja mendedahkan (muka) untuk memperlihatkannya kepada lelaki.[58]

Renungkan kata-kata 'malah digalakkan dan makruh meninggalkannya' dan 'bahawa perkara yang makruh dilarang'. Ini menunjukkan makruh mendedahkan muka kepada ajnabi. Kedua, 'bahawa (ijmak) yang kedua difahami apabila mereka sengaja mendedahkan (muka) untuk memperlihatkan kepada lelaki'. Ini mengisyaratkan bahawa hukum menutup muka menjadi wajib sekiranya muka didedahkan secara sengaja untuk dilihat oleh ajnabi.

Ketiga, Syeikh Muḥammad al-Jurdānī. Katanya yang mengambil pendapat daripada Ibnu Ḥajar:

> Ya, wajib menutup muka baginya (wanita) jika ia tahu ajnabi memandangnya...[59]

---

[58] Lihat: *Ḥāshiyah al-Tarmasī*; *op. cit*; jil. 3, hal. 217.
[59] Lihat: *Fatḥ al-'Allām*; *op. cit*; jil. 2, hal. 146.

Keempat, Syeikh Muḥammad al-Zuḥaylī. Beliau memuktamadkan pendapat ini di dalam kitabnya, *al-Mu'tamad* dengan berkata:

> Adapun aurat wanita terhadap lelaki ajnabi baik Islam atau kafir, yang baik atau jahat, yang waras atau gila adalah (bahagian) yang dituntut untuk ditutup ketika solat... Yang lebih aula bagi wanita adalah menutup muka dan tapak tangan daripada lelaki ajnabi...[60]

Daripada nukilan-nukilan ini didapati bahawa pendapat yang mewajibkan menutup muka masyhur dan muktamad di sisi kebanyakan ahli mazhab. Sementara itu, pendapat yang menyunatkannya adalah pendapat yang kurang masyhur dan hanya dipilih oleh segelintir ulama. Kesimpulan ini berdasarkan penyebutan mereka yang jelas berkenaan masalah ini. Hal ini demikian kerana, *lā yunsabu li-sākit qawl*.

Walhasil, keharusan di sisi sebahagian ulama walaupun tidak secara mutlak tetapi dengan syarat-syarat yang ketat dan sukar dipenuhi pada zaman sekarang. Pertama, tidak diyakini ada ajnabi yang sedang merenung wajahnya. Kedua, bukan untuk diperlihatkan kepada ajnabi. Apabila salah satu daripada syarat ini dilanggar, haram mendedahkan muka secara sepakat di sisi Shāfi'iyyah. Sebahagiannya pula menambah, bukan perempuan muda dan tidak cantik.

Kata Syeikh 'Abd al-Raḥmān al-Shāmī dalam fatwanya tentang masalah ini:

> Masalah ini *maḥall khilāf*. Antara fuqaha ada yang menganggap menutup muka fardu dalam hijab wanita seperti Ḥanābilah dan sebahagian Shāfi'iyyah. Sebahagian yang lain, (menganggap) tidak (fardu). Akan tetapi, kedua-dua pihak mengatakan, apabila terdapat orang yang

---

[60] *Al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī* (1431 H); Damsyik: Dār al-Qalam; jil. 1, hal. 221.

> memandang wanita dengan pandangan yang diharamkan, wajib pada saat itu ia menutup mukanya dalam hijab.[61]

Katanya, 'kedua-dua pihak', ada dua kemungkinan. Sama ada antara ulama mazhab atau antara mazhab-mazhab *fiqh*. Lebih hampir, dalam mazhab. Jika tidak, seluruh ulama *fiqh*. Setidak-tidaknya, dalam mazhab. Maka, sabitlah kemuafakatan antara ulama mazhab Shāfi'ī bahawa hukum menutup muka dalam keadaan tersebut hukumnya wajib.

Untuk mengelakkan kekeliruan, diingatkan bahawa keharusan - bahkan kewajipan - mendedahkan wajah yang dinukilkan oleh Qalyūbī daripada sebahagian ulama mazhab adalah pada waktu ihram. Ini tidak bertentangan dengan kesepakatan yang disebut kerana mereka memaksudkan keadaan biasa.

Dengan ini, sabitlah bahawa pendapat yang mewajibkan menutup muka adalah pendapat jumhur Shāfi'iyyah dan terbatallah dakwaan sesetengah pihak yang mendakwa tidak ada mazhab yang mewajibkan purdah - menutup muka. Antaranya, seorang profesor madya merangkap Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia. Beliau menulis;

> Sebenarnya pemahaman terhadap hijab atau tudung yang menutup aurat dengan purdah yang menutup muka perlu difahami masyarakat Islam supaya isu ini tidak dikelirukan. Hanya mazhab Ḥanafī yang hampir mewajibkan purdah.[62]

Pandangan Mazhab Ḥanafī

Kemudian, kita berpindah ke mazhab Ḥanafī yang merupakan mazhab tertua antara empat mazhab selain kerana wujud tuduhan bahawa

---

[61] http://www.naseemalsham.com/ar/Pages.php/ar/Pages.php?page=readFatwa&pg_id=9168

[62] Noor Aziah Mohd Awal; *Tutup Aurat Tak Jejas Prestasi Kerja*; artikel dalam akhbar Berita Harian, 24 Julai 2013, hal. 36.

mazhab tersebut hanya 'hampir mewajibkan purdah', tidak mewajibkan. Kajian ini diperlukan juga untuk membuktikan bahawa mewajibkan menutup muka adalah pendapat jumhur ulama, bukan sebahagian kecil atau segelintir sebagaimana yang didakwa oleh Fatimah Syarha.

Sukar untuk menentukan pendapat muktamad di sisi mazhab Ḥanafī. Imam mereka bukan Abū Ḥanīfah (150 H) seorang, Abū Yūsuf (182 H) dan Muḥammad al-Shaybānī (189 H) juga imam mereka yang dimuktamadkan pendapat mereka dalam banyak masalah. Selain mereka, *mashāyikh* juga memiliki hak untuk memilih pendapat rasmi mazhab.

Sebenarnya, terdapat perbezaan pendapat antara sesama Ḥanafiyyah dalam menentukan hukum asal menutup muka, adakah wajib atau selainnya. Walau bagaimanapun, ulama-ulama *muta'akhkhirīn* mereka secara sarih mengatakan bahawa hukumnya menjadi wajib pada zaman sekarang disebabkan meratanya fitnah dan kerosakan. Mereka juga berselisih, adakah hukumnya bagi perempuan yang masih muda atau yang sudah tua sama atau berbeza. Sebelum itu harus difahami bahawa penutupan dan aurat di sisi mereka adalah seiring. Tidak ada aurat pada pandangan, yang ada aurat yang wajib ditutup.

Ulama-ulama Ḥanafiyyah yang mengatakan hukum asalnya adalah wajib dan meliputi tua dan muda adalah:

Pertama, Imam al-Marghīnānī (593 H). Kata beliau dalam bab haji untuk menolak pendapat Imam al-Shāfi'ī (204 H) bahawa lelaki ketika berihram diharuskan menutup muka:

> (Dalil kami ialah)... dan kerana perempuan pun tidak (boleh) menutup mukanya sedangkan mendedahkan (muka itu) fitnah, maka apatah lagi lelaki.[63]

[63] *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī* (1417 H); Karachi: Idārah al-Qur'ān wa-al-'Ulūm al-Islāmiyyah; jil. 2, hal 319.

Kedua, Imam Ibnu Māzah (616 H). Beliau menjelaskan;

> Disebukan di dalam *Wāqi'āt al-Nāṭifī* bahawa wanita yang berihram (boleh) mengenakan hujung (tudung) pada wajah dan (hendaklah) ia menjarakkannya daripada wajah. Masalah ini menunjukkan bahawa wanita dilarang daripada menzahirkan wajahnya kepada lelaki tanpa darurat kerana ia (hanya) dilarang menutup muka disebabkan ibadat (haji)...[64]

Ketiga, Imam Ibn al-Hummām (861 H). Beliau mengulangi kata-kata Ibnu Māzah 'masalah ini menunjukkan bahawa wanita dilarang daripada menzahirkan wajahnya... tanpa darurat.'[65]

Keempat, Syeikh al-Ḥaṣkafī (1088 H). Menurut beliau;

> ... Sebab itulah, (wanita merdeka) dilarang daripada mendedahkan mukanya di antara lelaki (iaitu) kerana fitnah.[66]

Kelima, Syeikh Ibnu 'Ābidīn (1252 H). Menurutnya dalam syarahnya ke atas kata-kata al-Ḥaṣkafī dalam *al-Durr al-Mukhtār*;

> Katanya [dan wanita dilarang...] iaitu dilarang daripada perkara tersebut (mendedahkan muka) walaupun (muka) bukan aurat. Katanya [tetapi kerana bimbangkan fitnah] iaitu perbuatan keji dengannya - (dalam) *Qāmūs* - atau syahwat. Maknanya, ia dilarang daripada mendedahkan (muka) kerana takut mukanya dilihat oleh lelaki lalu menyebabkan berlakunya fitnah kerana dengan

---

[64] *Al-Muḥīṭ al-Burhānī fī al-Fiqh al-Nu'mānī* (1424 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 2, hal. 454.
[65] *Fatḥ al-Qadīr li-al-'Ājiz al-Faqīr* (1424 H); Boulaq: al-Maṭba'ah al-Kubrā al-Amīriyyah; jil. 2, hal. 195.
[66] *Al-Durr al-Muntaqā fī Sharḥ al-Multaqā* yang dicetak bersama *Majma' al-Anhur fī Sharḥ Multaqā al-Abḥur* (1419 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 1, hal. 121.

> mendedahkan itu, boleh berlaku pandangan dengan syahwat.[67]

Keenam, Syeikh Zāhid al-Kawtharī (1378 H). Beliau sebagaimana dalam makalahnya, *Ḥijāb al-Mar'ah* terang-terangan memihak kepada pendapat mewajibkan menutup muka. Antara kata-katanya:

> Ayat ini (mungkin ayat ke-59, surah al-Aḥzāb) jelas menunjukkan kewajipan mengenakan hujung tudung ke mata dari atas dan dari bawah sebagaimana yang disampaikan oleh imam-imam yang *thiqah* sesama mereka sebagaimana yang telah kami sebut.[68]

Ketujuh, Syeikh Ẓafar al-Tahānawī (1394 H). Beliau membawakan *athar* 'Umar yang melarang hamba perempuan berpakaian seperti wanita merdeka lalu berkata:

> Dalam (*athar*) terdapat dalil bahawa wanita (hendaklah) menutup wajahnya ketika selain waktu ihram. Semoga Allah melaknati golongan yang menggantungkan pada leher-leher mereka rantai penghambaan kepada Eropah di mana mereka berusaha untuk mencabut hijab daripada wanita-wanita Muslimin dan menukarkan nikmat Allah kepada mereka serta memilih perwatakan hamba dan ciri-ciri mereka...[69]

'Hendaklah' itu difahami daripada ayat selepasnya yang melaknat orang-orang yang menyeru para Muslimah membuka purdah-purdah mereka.

Ulama-ulama Ḥanafiyyah yang mengatakan perkara yang sama tetapi khusus kepada perempuan muda sahaja antaranya ialah:

---

[67] *Radd al-Muḥtār 'alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār* (1423 H); Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub; jil. 2, hal 79.
[68] *Maqālāt al-Kawtharī* (t.t); Kaherah; al-Maktabah al-Tawfīqiyyah; hal. 230.
[69] *I'lā' al-Sunan* (1417 H); Karachi: Idārah al-Qur'ān wa-al-'Ulūm al-Islāmiyyah; jil. 10, hal 226.

Pertama, Syeikh al-Ṭaḥṭāwī (1231 H). Dalam catatannya ke atas *Marāqī al-Falāḥ* dinyatakan;

> Katanya [kecuali wajahnya (wanita)] dan perempuan muda dilarang daripada mendedahkan wajahnya kerana bimbangkan fitnah bukan kerana wajah itu aurat.[70]

Kedua, Syeikh 'Alā' al-Dīn (1306 H). Jelas beliau dalam *Hadiyyah*, antara kitab masyhur dalam mazhab Ḥanafī;

> Perempuan muda dilarang daripada mendedahkan wajahnya kerana bimbangkan fitnah.[71]

Sekali lagi, disebut 'perempuan muda'. Ini adalah hukum asal dan keharusan menunjukkan muka dikhususkan untuk wanita tua.

Seterusnya, pendapat yang mewajibkan menutup muka bagi perempuan muda dan khusus pada zaman sekarang sahaja. Pendapat ini adalah pendapat:

Pertama, Syeikh Ibnu Nujaym (926 H). Beliau menukilkan pendapat guru-gurunya yang mengatakan:

> Perempuan yang muda ditegah daripada mendedahkan wajah di antara lelaki pada zaman kita (sekarang) kerana fitnah.[72]

Kedua, Shaykhī Zādah (1078 H). Hal ini dikesan apabila beliau membawakan kata-kata al-Ḥaṣkafī lalu menambah:

---

[70] *Ḥāshiyah al-Ṭaḥṭāwī 'alā Marāqī al-Falāḥ Sharḥ Nūr al-Īḍāḥ* (1418 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; hal. 241.
[71] *Al-Hadiyyah al-'Alā'iyyah li-Talāmīdh al-Makātib al-Ibtidā'iyyah* (1424 H); Beirut: Dār Ibn Ḥazm; hal 204.
[72] *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq* (t.t); tanpa penerbit; jil. 1, hal. 184.

> Pada zaman kita sekarang, larangan itu menjadi wajib, malah fardu kerana kuatnya kerosakan.[73]

Ini bermakna beliau memahami larangan dalam kata-kata al-Ḥaṣkafī sebagai makruh semata-mata. Maka, hukum menutup muka baginya adalah sunat dan menjadi wajib hanya disebabkan dahsyatnya fitnah seperti yang berlaku pada hari ini.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini, muktamad atau *muftā 'alayhi* di sisi mazhab Ḥanafī adalah wajibnya perempuan muda menutup muka terutamanya pada hari ini. Saya tidak berani mengatakan mereka turut mewajibkan kepada wanita berusia melainkan berdasarkan zahir ibarat mereka sahaja. Oleh itu, saya tidak menjazamkannya.

Maka, dengan ini terbuktilah bahawa dakwaan bahawa mazhab Ḥanafī tidak mewajibkan purdah - menutup muka - secara mutlak atau separuh mutlak adalah tidak benar sama sekali.

Pandangan Mazhab Mālikī

Selesai dua mazhab, sekarang kita beralih pula ke mazhab Mālikī. Dalam persoalan hukum menutup muka, terdapat beberapa pendapat antara mereka. Tetapi, yang jelas, mazhab mereka tidak mewajibkan menutup muka tetapi sekadar menyunatkan. Ini adalah hukum asal. Bagi mereka, yang wajib ditutup hanyalah aurat. Tidak aurat, tidak wajib - sama seperti Ḥanafiyyah. Ini secara kasarnya.

Berikut disalin - secara ringkas - daripada petikan kitab *al-Tāj wa-al-Iklīl* syarah *Mukhtaṣar Khalīl* oleh Imam al-Mawwāq (897 H) yang memuatkan nukilan-nukilan daripada ahli mazhab tentang perkara ini:

> [(Aurat wanita)... dan bersama ajnabi selain wajah dan kedua-dua belah tapak tangan] Dalam *al-Muwaṭṭa'*...

[73] *Majma' al-Anhur fī Sharḥ Multaqā al-Abḥur* yang dicetak bersama *al-Durr al-Muntaqā fī Sharḥ al-Multaqā*; *op. cit*; jil. 1, hal. 122.

> (Kata) Ibn al-Qaṭṭān: di dalam (*athar*) ini (terdapat isyarat) keharusan mempamerkan muka dan dua tangannya (wanita) kepada ajnabi... Dan al-Bājī mengekalkannya (gambarannya) mengikut zahirnya (tanpa takwilan). Kata Ibnu Muḥriz: muka wanita di sisi Mālik dan ulama-ulama lain bukan aurat... Kata ’Iyāḍ: di dalam semua (riwayat) ini (terdapat) hujah di sisi ulama bahawa wanita tidak wajib menutup mukanya dan menutup muka hanyalah *mustaḥabb* dan sunat baginya... Tidak ada khilaf bahawa kefarduan menutup muka termasuk dalam perkara yang dikhususkan kepada isteri-isteri Nabi *shalla Allāh ’alay-hi wa-sallam*. Sekian daripada *Ikmāl* (*Ikmāl al-Mu’lim Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Kadi ’Iyāḍ)... [74]

Walau bagaimanapun, hukum sunat ini tidaklah secara mutlak bahkan bersyarat sebagaimana yang dijelaskan oleh ulama-ulama lain. Syarat-syarat tersebut ialah:

Pertama, tidak menimbulkan fitnah. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh:

Satu, Syeikh al-Ḥaṭṭāb (954 H):

> Ketahuilah sesungguhnya, jika wanita dibimbangkan menimbulkan fitnah, wajib baginya menutup muka dan kedua-dua belah tapak tangan. Ini yang dikatakan oleh Kadi ’Abd al-Wahhāb...[75]

Ini bermakna, syarat harus mendedahkan muka adalah aman daripada fitnah.

Dua, Syeikh al-Dardīr (1201 H):

---

[74] *Al-Tāj wa-al-Iklīl li-Mukhtaṣar Khalīl* yang dicetak bersama *Mawāhib al-Jalīl Sharḥ Muktaṣar Khalīl* (1416 H); Beirut: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah; jil. 1, hal. 181.
[75] *Mawāhib al-Jalīl* yang dicetak bersama *al-Tāj wa-al-Iklīl*; *op. cit*; jil. 1, hal. 181.

> [Dan] aurat wanita merdeka [dengan lelaki ajnabi] baginya iaitu bukan *maḥram* adalah seluruh tubuh [kecuali muka dan kedua-dua belah tapak tangan]. Adapun kedua-dua bahagian tersebut bukan aurat walaupun wajib menutupnya kerana fitnah.[76]

'Kerana fitnah' ditakwilkan sebagai *qayd* atau syarat bukan *'illah* atau hikmah wajib menutup muka kerana saya tidak menemui seorang pun ulama Mālikī yang menisbahkan kewajipan menutup muka secara mutlak kepada mazhab. Mustahil beliau memuktamadkan kewajipan mutlak ini di dalam kitab yang dikhususkan untuk *fiqh* Mālikī.

Tiga, Syeikh al-Dasūqī (1230 H):

> Katanya [seperti menutup muka wanita merdeka dan dua tangannya] iaitu wajib apabila dibimbangkan fitnah dengan mendedahkannya.[77]

Ini juga yang disimpulkan oleh Syeikh Muṣṭafā al-Bughā yang bermazhab Shāfi'ī dalam ulasannya tentang *fiqh* Mālikī. Katanya;

> Wajib ke atas wanita menutup selain muka dan kedua-dua belah tapak tangan - ketika aman daripada fitnah - di hadapan lelaki ajnabi di luar solat. Jika ia bimbangkan fitnah, wajib baginya menutup seluruh tubuhnya.[78]

Kewajipan ini bukan dalam keadaan biasa sahaja, malah ketika ihram juga seperti yang disebutkan oleh Syeikh 'Abd Allāh bin al-Ṭāhir:

---

[76] *Al-Sharḥ al-Ṣaghīr 'alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik* yang dicetak bersama *Ḥāshiyah al-Ṣāwī* (t.t); Kaherah: Dār al-Ma'ārif; jil. 1, hal. 289.
[77] *Ḥāshiyah al-Dasūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr* (t.t); Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah; jil. 1, hal. 214.
[78] *Al-Tuḥfah al-Raḍiyyah fī Fiqh al-Sādah al-Mālikiyyah* (1413 H); Ain M'Lila: Dār al-Hudā; hal. 206.

> Diharamkan kepada perempuan memakai pakaian berjahit... dan menutup mukanya kecuali kerana fitnah maka wajib menutupnya dengan penutup yang dijulurkan di atas kepalanya dan mukanya tanpa lekatan atau ikatan...[79]

Kedua, bukan kepada lelaki bukan Islam sebagaimana yang disebut oleh:

Satu, Syeikh al-Nafrāwī (1126 H):

> Adapun (aurat wanita merdeka) dengan lelaki kafir bukan hambanya, seluruh tubuh termasuk muka dan kedua-dua belah tapak tangan.[80]

Dua, Syeikh ’Ulaysh (1299 H):

> ...[Dan] aurat bagi wanita merdeka [dengan] lelaki [ajnabi] Muslim seluruh tubuhnya [kecuali muka dan kedua-dua belah tapak tangan]...[81]

Tiga, Syeikh al-Ṣāwī (1241 H):

> Katanya [dengan lelaki ajnabi] iaitu Muslim sama ada merdeka atau hamba...[82]

Empat, Syeikh al-Ābī (1335 H):

> ... Adapun ajnabi yang kafir, seluruh tubuhnya (wanita merdeka) termasuk wajah dan kedua-dua belah tapak tangannya aurat baginya (ajnabi kafir tersebut).[83]

---

[79] *Al-Ḥajj fī al-Fiqh al-Mālikī wa-Adillatuhu* (1422 H); Maghribi: al-Dār al-Bayḍā‘; hal. 97.
[80] *Al-Fawākih al-Dawānī ’alā Risālah Ibn Zayd al-Qayrawānī* (1418 H); Beirut: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah; jil. 1, hal. 202.
[81] *Sharḥ Manḥ al-Jalīl ’alā Mukhtaṣar al-’Allāmah Khalīl* (t.t); Beirut: Dār Ṣādir; jil. 1, hal. 133.
[82] *Ḥāshiyah al-Ṣāwī* yang dicetak bersama *al-Sharḥ al-Ṣaghīr*; *op cit*.

Maka, untuk menampakkan muka, hendaklah dipastikan tidak terdapat lelaki kafir kerana muka ketika itu dianggap aurat yang wajib ditutup.

Demikian juga yang kesimpulan yang dibuat oleh alim Mālikī daripada kalangan wanita, Kawkab ’Ubayd dengan katanya:

> (Had aurat perempuan merdeka yang sudah baligh) dengan lelaki ajnabi yang kafir, seluruhnya aurat yang termasuk bersamanya muka dan kedua-dua belah tapak tangan.[84]

Ketiga, tidak cantik - seperti penjelasan Zarrūq yang dinukilkan nanti.

Daripada nukilan-nukilan di atas, secara mudahnya disebut bahawa jumhur *muta‘akhkhirīn* mazhab Mālikī berpendapat bahawa wanita tidak perlu menutup muka selagi tidak terdapat ajnabi bukan Islam. Inilah muktamad di sisi mereka. Ulama-ulama *mutaqaddimīn* mereka pula tidak didapati meletakkan syarat ini. Akan tetapi, Mālikiyyah secara majoritinya - kalau tidak secara sepakat pun - mewajibkan menutup muka ketika fitnah.

Ini dapat difahami daripada keterangan di bawah:

> ... Maka, harus melihat kepada kedua-duanya (muka dan kedua-dua belah tapak tangan wanita merdeka) - tidak ada beza antara depan dan belakang tapak tangan - tanpa niat mendapatkan kelazatan (syahwat) atau merasakannya. Jika tidak, maka haram. Adakah wajib ke atasnya (wanita itu) menutup muka dan kedua-dua belah tapak tangannya pada saat ini? (Ya,) inilah yang disebut

---

[83] *Fiqh al-’Ibādāt ’alā al-Madhhab al-Mālikī* (t.t); tanpa penerbit; hal. 143; versi al-Maktabah al-Shāmilah 3.48.
[84] *Jawāhir al-Iklīl Sharḥ Mukhtaṣar al-Imām Khalīl* (t.t); Beirut: al-Maktabah al-Thaqāfiyyah; jil. 1, hal. 43.

oleh Ibnu Marzūq sebagai *mashhūr al-madhhab*. Atau, tidak wajib baginya tetapi wajib bagi lelaki menundukkan pandangannya. Inilah *muqtaḍā* nukilan al-Mawwāq daripada ’Iyāḍ. Zarrūq dalam *Sharḥ al-Waghlīsiyyah* pula memperincikan antara (wanita) yang cantik - maka wajib - dengan yang lain (tidak cantik) - maka digalakkan.[85]

Imam Ibnu Marzūq (781 H) mengatakan, wajib menutup muka jika diketahui bahawa seorang ajnabi sedang memandangnya dengan syahwat dan ini adalah *mashhūr al-madhhab*. Istilah *mashhūr* ini digunakan untuk tiga makna. Pertama, pendapat ramai. Kedua, pendapat *rājiḥ*. Ketiga, kata-kata Ibnu Qāsim (191 H) dalam *al-Mudawwanah*. Tetapi, kebanyakan ulama mazhab menggunakannya dengan pengertian pertama.[86] Ini menunjukkan pendapat yang masyhur dalam mazhab Mālikī mewajibkan menutup muka ketika fitnah.

Selain itu, pendapat ini juga disahihkan oleh Syeikh ’Abd Allāh al-’Alawī (1230 H) *Nawāzil* beliau yang dinazamkan Syeikh al-’Āqib al-Shanqīṭī:

Tatkala takut ia (wanita) akan fitnah daripada pandangan,
Atau ia (lelaki) ingin kelazatan dengan melihat;
Maka wajib menutup muka dan dua tangan,
Atas yang di-*rājiḥ*-kan daripada dua pendapat.[87]

Dengan ini, pendapat yang disandarkan kepada Kadi ’Iyāḍ dilemahkan di sisi mazhab lebih-lebih lagi hanya berdasarkan *mafhūm iqtiḍā‘*. Oleh yang demikian, pendapat muktamad dan masyhur dalam mazhab Mālikī sama seperti pendapat Ibnu Ḥajar dan lain-lain dalam mazhab Shāfi’ī. Maka, menyandarkan kemutlakan keharusan mendedahkan wajah

[85] *Ḥāshiyah al-Ṣāwī* yang dicetak bersama *al-Sharḥ al-Ṣaghīr*; op cit.
[86] Rujuk: ’Abd al-’Azīz bin Ṣāliḥ al-Khalīfī (1414 H); *al-Ikhtilāf al-Fiqhī fī al-Madhhab al-Mālikī*; tanpa penerbit; hal. 183-185.
[87] *Naẓm Nawāzil al-’Allāmah Sayyidī ’Abd Allāh al-’Alawī* yang dicetak bersama *Marja’ al-Mushkilāt ’alā Madhhab fī al-I’tiqādāt wa-al-’Ibādāt wa-al-Mu’āmalāt wa-al-Jināyāt ’alā Madhhab al-Imām Mālik* (t.t); Tropoli: Maktabah al-Najāḥ; hal. 31.

kepada mazhab Mālikī atau sebahagian ulama-ulama mereka tidak benar adanya.[88]

Maksud saya, apa yang dinisbahkan oleh Fatimah Syarha kepada Ibnu Marzūq bahawa beliau mengatakan, tidak wajib baginya (wanita pada saat lelaki memandangnya dengan syahwat untuk menutup wajah dan tapak tangannya) adalah satu kesilapan. Beliau menterjemah keterangan al-Ṣāwī secara salah. Terjemahan sebenar seperti dalam keterangan tadi.

Pandangan Mazhab Ḥanbalī

Adapun mazhab terakhir antara mazhab empat, mazhab Ḥanbalī adalah mazhab yang paling tegas dalam masalah ini. Mereka mewajibkan wanita menutup muka. Daripada pengasasnya, Imam Aḥmad bin Ḥanbal (241 H) lagi sehinggalah kepada ulama-ulama Ḥanābilah semasa, secara majoritinya mengatakan seluruh tubuh badan wanita adalah haram dipertunjukkan kepada ajnabi. Hanya segelintir yang cenderung kepada pendapat yang mengharuskan.

Hampir sama seperti mazhab Shāfi'ī, terdapat pembahagian aurat di sisi mereka. Namun, mereka mengertikan aurat sebagai tempat yang wajib ditutup sahaja. Adapun di dalam solat, seluruh tubuh kecuali muka dan di hadapan ajnabi, termasuk muka. Demikian menurut mazhab mereka. Namun begitu, sesetengah ahli mazhab tidak menamakan muka sebagai aurat. Walaupun begitu, terdapat segelintir ulama mereka yang tidak mewajibkan menutup muka - dalam keadaan biasa.

Berikut dua nusus sahih sarih daripada Imam Aḥmad yang berkaitan:

---

[88] Disandarkan juga pendapat memakruhkan berpurdah - menutup muka - secara mutlak kepada segelintir ulama mazhab Mālikī seperti al-Dasūqī berdasarkan ibarat beliau dalam *al-Sharḥ al-Kabīr*. Perkara ini tidak benar seperti yang dijelaskan oleh penyusun risalah *Fatāwā Kibār 'Ulamā' al-Azhar al-Sharīf Ḥawl al-Niqāb* (1431 H); Kaherah: Dār al-Yusr; hal. 64, nota kaki

> Kuku wanita aurat. Apabila ia keluar, sedikit pun daripada (tubuh)-nya tidak boleh kelihatan. Tidak tangan, tidak kuku, dan tidak juga *khuff*-nya...[89]

Dan;

> Tidak (harus wanita hitam menampakkan rambut atau dada) sekiranya ia Islam. Wanita seluruhnya aurat termasuk kukunya.[90]

Walaupun tidak menyebut 'muka' tetapi muka tercakup di dalam keumuman tubuh wanita. Menurut beliau, seluruh tubuh wanita aurat yang tidak boleh didedahkan kepada ajnabi. Apa yang disebutkan hanya sebagai contoh atau penekanan kerana bahagian-bahagian tersebut kemungkinan selalu didedahkan oleh wanita pada zaman beliau.

Antara ulama mazhab yang berpendapat muka aurat dan wajib ditutup adalah:

Pertama, Muwaffiq al-Dīn Ibnu Qudāmah al-Maqdisī (620 H):

> Adapun hadis Asmā' kalau sahih pun, (boleh) dianggap sebelum turun (ayat/perintah) hijab. Oleh itu, kami pun menganggapnya begitu.[91]

Hadis Asmā' RA yang dimaksudkan adalah hadis yang menjadi dalil keharusan mendedahkan muka dan tangan kepada ajnabi. Beliau mentakwilkannya dengan mendakwanya sebelum turun ayat hijab. Ini bermakna, selepas turun ayat hijab, muka dan tangan tidak boleh ditunjukkan kepada ajnabi. Malah, keterangan beliau dalam masalah ini

---

[89] Diriwayatkan oleh al-Khallāl dalam *Aḥkām al-Nisā'* (1423 H); Beirut: Mu'assasah al-Rayyān; hal. 32, no. 18. Disahihkan oleh penyemak, 'Amr 'Abd al-Mun'im Salīm.
[90] *Ibid*; hal. 33, no. 21.
[91] *Al-Mughnī wa-al-Sharḥ al-Kabīr* (1403 H); Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī; jil. 7, hal. 461.

sangat jelas menghubungkaitkan antara melihat dengan memperlihatkan.

Kedua, Imam al-Tanūkhī (695 H):

> ... Kerana kalaulah mereka (wanita) dilarang melihat (lelaki ajnabi) sudah tentu wajib lelaki berhijab supaya tidak dilihat oleh mereka sebagaimana wanita diperintahkan berhijab supaya tidak dilihat oleh lelaki.[92]

Lebih kurang dengan nas Imam al-Ghazālī - sebelum ini - dan Ibnu Qudāmah,[93] beliau mengaitkan hijab dengan pandangan. Apabila haram dipandang, haram didedahkan. Wajah wanita haram dipandang ajnabi, maka haramlah didedahkan kepada mereka. Keharusan melihat pada keadaan-keadaan tertentu bermakna keharusan memperlihatkan pada keadaan-keadaan tersebut.

Ketiga, Imam Ibnu Taymiyyah (728 H):

> Tidak harus wanita mendedahkan wajah mereka sehingga dapat dilihat oleh ajnabi. Pemerintah hendaklah menyuruh perkara baik dan mencegah daripada kemungkaran ini...[94]

Keempat, Imam Ibnu al-Mabrad (909 H):

> Wajib ke atasnya (wanita) menutup mukanya ketika keluar.[95]

Kelima, Syeikh al-Ḥijjāwī (968 H):

---

[92] *Al-Mumti' fī Sharḥ al-Muqni'* (1424 H); Mekah: Maktabah al-Asadī; jil. 3, hal. 539.
[93] *Al-Mughnī wa-al-Sharḥ al*-Kabīr; *op. cit*; hal. 465.
[94] *Majmū'ah al-Fatāwā* (1426 H); Mansurah: Dār al-Wafā'; jil. 24, hal. 214.
[95] *Sharḥ al-Zarkashī 'alā Mukhtaṣar al-Khiraqī fī al-Fiqh 'alā Madhhab al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal* (1413 H); Riyadh: Maktabah al-'Ubaykān; jil. 3, hal. 620.

> (Tubuh) wanita merdeka yang sudah baligh semuanya aurat di dalam solat termasuklah kuku dan rambutnya kecuali muka. Kata sekumpulan (ulama mazhab): dan kedua-dua belah tapak tangannya. Kedua-dua belah tapak tangan dan muka adalah aurat di luar solat dari sudut pandangan (ajnabi) seperti bahagian tubuhnya yang lain.[96]

Istilah 'aurat dari sudut pandangan' yang digunakan oleh beliau tidak boleh disamakan dengan istilah sebahagian ulama mazhab Shāfi'ī kerana pembahagian aurat kepada yang wajib ditutup dan yang haram dilihat tidak masyhur - atau tidak ada - dalam mazhab mereka.

Keenam, Syeikh al-Bahūtī (1100 H):

> [Seluruh (tubuh) wanita merdeka] yang baligh [adalah aurat kecuali wajahnya]. Jadi, (muka) bukan aurat di dalam solat.[97]

Bukan aurat di dalam solat, maknanya aurat di luar solat - di hadapan ajnabi.

Ketujuh, Syeikh al-Ruḥaybānī (1243 H); sama seperti yang disebutkan oleh al-Tanūkhī.[98]

Kelapan, Syeikh Ibnu Bāz (1420 H):

> Sekiranya di sisinya ada ajnabi, wajiblah ke atasnya menutup muka dan kedua-dua belah tapak tangannya juga.[99]

---

[96] *Al-Iqnā' li-Ṭālib al-Intifā'* (1423 H); Arab Saudi: Dārah al-Malik 'Abd al-'Azīz; jil. 1, hal. 134.

[97] *Al-Rawḍ al-Murabba' Sharḥ Zād al-Mustaqni'* (1426 H); Riyadh: Madār al-Waṭan; jil. 2, hal. 103.

[98] *Maṭālib Ulī al-Nuhā fī Sharī Sharḥ Ghāyah al-Muntahā* (t.t); Beirut: al-Maktab al-Islāmī; jil. 5, hal. 16.

[99] *Majmū' Fatāwā wa-Maqālāt Mutanawwi'ah* (1420 H); Riyadh: Dār al-Qāsim; jil. 10, hal. 409.

Kesembilan, Syeikh Ibn al-’Uthaymīn (1421 H):

> Adapun (aurat) dalam bab pandangan, yang dikehendaki adalah menutup punca-punca fitnah. Maka, wajib ke atasnya (wanita) menutup muka daripada bukan *maḥram*.[100]

Kesepuluh: Syeikh ’Abd al-Muḥsin al-’Ubaykān:

> Masalah: muka dan kedua-dua belah tapak tangan wanita merdeka yang telah baligh adalah aurat di luar solat dari segi pandangan seperti bahagian tubuhnya yang lain.[101]

Sungguhpun begitu, segelintir ahli mazhab pula memilih pendapat mazhab Mālikī iaitu sekadar menyunatkan menutup muka selain mengaitkannya dengan fitnah. Mereka antaranya ialah:

Pertama, Shams al-Dīn Ibnu Mufliḥ (763 H) - ketika menyentuh persoalan memaksa wanita menutup muka;

> Adapun berdasarkan pendapat-pendapat kami dan pendapat sekumpulan ulama Shāfi’iyyah dan lain-lain bahawa harus memandang wanita ajnabi tanpa syahwat dan khalwat, maka tidak boleh mengingkarinya (perbuatan mendedahkan muka).[102]

Ibarat beliau juga menunjukkan perkaitan antara hukum memandang wajah dan hukum mendedahkannya. Sekiranya benar begitu, yang disebutkan beliau mungkin pendapat peribadi dan mungkin beliau ingin menyandarkannya kepada Ḥanābilah. Ini kerana ulama-ulama Ḥanābilah memang mewajibkan menutup muka. Apa Walau

---

[100] *Al-Sharḥ al-Mumti’ ’alā Zād al-Mustaqni’* (t.t); Dār Ibn al-Jawzī; jil. 2, hal. 161.
[101] *Ghāyah al-Marām Sharḥ Mughnī Dhawī al-Afhām* (1419 H); Beirut: Mu‘assasah al-Risālah; jil. 3, hal. 310.
[102] *Al-Ādāb al-Shar’iyyah* (1419 H); Beirut: Mu‘assasah al-Risālah; jil. 1, hal. 297.

bagaimanapun, pendapat masyhur di sisi Ḥanābilah sebagaimana yang diperincikan mewajibkan menutup muka.

Kedua, Syeikh Ibnu Badrān (1346 H).

> Kesimpulan daripada kata-kata Ḥanafiyyah dan Mālikiyyah bahawa muka dan kedua-dua belah tapak tangan bukan aurat di dalam dan di luar solat. Ini juga zahir perkataan Imam Aḥmad... Jadi, masalahnya bukanlah muka, kedua-dua belah tapak tangan, suara itu aurat atau tidak sehingga kita memanjangkan perdebatan tentangnya tetapi rahsianya (titik persoalannya) adalah (wujud) fitnah atau tidak... Fitnah itu kekejian atau syahwat...[103]

Nampaknya, beliau menyandarkan pendapat tidak auratnya muka secara mutlak - di dalam dan luar solat - kepada zahir kata-kata Imam Aḥmad. Walaupun begitu, seperti yang dijelaskan, ini tidak menjejaskan hukum menutup muka kerana keauratan muka dan hukum menutupnya berbeza. Beliau sendiri mewajibkan menutup muka dalam suasana fitnah, adakah ketika itu muka menjadi aurat baginya?

Akhirnya, dirumuskan bahawa pendapat yang muktamad lagi masyhur di sisi mazhab Ḥanbalī adalah wajibnya menutup muka sebagaimana kata Syeikh Musā'id al-Fāliḥ:

> Pendapat pertama, seluruh tubuh wanita merdeka aurat...
> Ini juga pendapat yang sahih di sisi Ḥanābilah...[104]

Pandangan Mazhab Ẓāhirī

---

[103] *Al-Mawāhib al-Rabbāniyyah fī al-Ajwibah 'alā al-As'ilah al-Qāzāniyyah* (1425 H); Beirut: al-Maktab al-Islāmī; hal. 214-215.

[104] *Aḥkām al-'Awrah wa-al-Naẓar bi-Dalīl al-Naṣṣ wa-al-Naẓar* (1413 H); Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif; hal. 46.

Mazhab Ẓāhirī yang diasaskan oleh Imam Dāwūd bin ’Alī (270 H) sudah lama senyap dan lenyap. Tetapi, pengaruh yang dibawa khususnya dengan jasa Imam Ibnu Ḥazm (456 H) dalam dunia keilmuan Islam masih wujud hingga hari ini. Namun sayang, tidak banyak yang diketahui tentang mazhab ini memandangkan sumbernya begitu terhad. Tidak ada kitab lengkap membicarakan mazhab mereka yang sampai kepada kita melainkan satu, *al-Muḥallā* oleh Ibnu Ḥazm.

Dalam kitab tersebut, beliau menjelaskan pendapat beliau dalam masalah menutup muka bagi wanita. Pendapat yang dipilihnya, tidak wajib menutup muka. Kata beliau;

> Di dalamnya (ayat ke-31 surah al-Nūr) terdapat nas keharusan mendedahkan muka... Maka, benarlah tangan wanita dan wajahnya tidak aurat...[105]

Saya tidak menolak beliau membolehkan wanita mendedahkan mukanya walaupun ketika fitnah, cantik, dan dipandang dengan syahwat. Hal ini demikian kerana beliau menggunakan hadis al-Faḍl bin ’Abbās RA - akan dibincangkan nanti.[106] Di dalamnya, disebutkan al-Faḍl merenung seorang perempuan yang cantik dan Rasulullah SAW yang hadir tidak menyuruh perempuan tersebut menutup mukanya.

Setakat ini, didapati daripada lima mazhab *fiqh* yang masyhur dalam kalangan umat Islam, jumhur mereka mewajibkan menutup muka. Mereka terdiri daripada jumhur Ḥanafiyyah, Shāfi’iyyah, dan Ḥanābilah. Hanya ulama-ulama mazhab Māliki, Ẓāhirī, sebahagian kecil ulama mazhab Shāfi’ī, dan segelintir ulama mazhab Ḥanbalī yang berpendapat tidak wajib. Itu pun, tidak kesemua mereka dan tidak secara mutlak pula. Kebanyakan mereka pula mewajibkannya dalam keadaan fitnah. Bahkan, ramai Mālikiyyah yang mewajibkan menutup muka daripada lelaki bukan Islam. Ini bermakna, mereka tetap mewajibkannya.

---

[105] *Al-Muḥallā fī Sharḥ al-Mujallā bi-al-Ḥujaj wa-al-Āthār* (t.t); Bayt al-Afkār al-Dawliyyah; hal. 305-306.
[106] *Ibid*; hal. 306.

Kesudahannya, menutup muka adalah wajib di sisi jumhur ulama mazhab yang lima dan turut disokong oleh ulama-ulama lain.

Dengan ini, robohlah kenyataan yang dibina oleh Fatimah Syarha tatkala mengatakan, tidak mewajibkan adalah pendapat majoriti ulama *fiqh* sejak zaman sahabat; terbongkarlah kesilapan bekas Mufti Perlis dalam artikelnya, *Purdah pada Pandangan Jumhur Ulama* apabila menyandarkan pendapat tidak mewajibkan purdah kepada jumhur;[107] dan terdedahlah kesalahan telah dilakukan oleh Ketua Dewan Muslimat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) apabila mendakwa secara melulu bahawa agama Islam tidak mewajibkan menutup muka sekali gus menafikan kewujudan pendapat muktabar yang difatwakan oleh jumhur ulama. Kata beliau:

> Dalam agama ada menyebut bahawa Islam hanya meminta wanita tutup aurat. Tutup aurat tidak semestinya seseorang itu perlu menutupi semuanya, kita boleh mendedahkan muka dan tangan sebagaimana kita memakai telekung untuk mengerjakan solat.[108]

Sebenarnya, banyak lagi pendapat ulama-ulama selain sahabat yang belum dibawakan. Pendirian ulama-ulama di luar mazhab yang lima juga belum disebutkan. Malah, saya masih membisu tentang pendapat-pendapat ramai ulama lain walaupun termasuk dalam ulama mazhab kerana tidak disebutkan di dalam kitab-kitab *fiqh* mazhab walaupun sebahagian kecil daripada nukilan-nukilan tadi dipetik daripada kitab-kitab lain.

Walau bagaimanapun, kebanyakan nukilan-nukilan selebihnya akan diselitkan di tengah-tengah perbincangan mendatang - dengan izin Allah jua. Buat masa sekarang, cukuplah kita katakan, jumhur fuqaha lima mazhab mewajibkan menutup muka. Sekian.

---

[107] Lihat: http://drmaza.com/home/?p=68 bertarikh 20 September 2007.
[108] *Purdah Hanya Budaya Arab: Muslimat*; artikel dalam akhbar Sinar Harian, 9 September 2009, hal. N7.

Pendapat ini berdasarkan dalil-dalil syariat
*dan riwayat daripada para sahabat (*āthār*)*
Fatimah Syarha

Bab Tiga
Hujah-hujah Tidak Wajib Menutup Muka oleh Fatimah Syarha
Serta Jawapan

Sebenarnya, bilangan manusia yang menyokong atau menentang sesuatu pegangan atau amalan bukanlah penentu kebenaran. Islam bukan agama demokrasi. Benar, jumhur biasanya benar tetapi mereka tidak semestinya betul.

Maka, memilih pendapat mewajibkan semata-mata kerana dipilih oleh jumhur ulama tidak direstui syarak. Kita diperintahkan mentaati Allah dan rasul, bukan menuruti jumhur. Apabila sabit kebenaran, sama ada pendapat itu pendapat jumhur atau tidak, wajiblah diikuti.

Dalam masalah ini, saya yakin Fatimah Syarha memilih pendapat tidak mewajibkan menutup muka bukan semata-mata kerana merupakan pendapat jumhur - pada pandangannya. Beliau hanya menjadikannya sebagai penguat bukan asas. Pendek kata, pegangan beliau bukan pegangan yang lemah, ulama-ulama yang alim dan pakar dalam selok-belok agama pun menyetujuinya.

Sebab utama pemilihan adalah seperti yang disebutnya, pendapat ini berdasarkan dalil-dalil syariat dan riwayat daripada para sahabat, dan bersandarkan kepada pandangan dan perbandingan akal sihat serta diperkuat pula oleh kenyataan yang berlaku pada zaman keemasan umat ini. Terlalu banyak hujah yang dikemukakan oleh Syeikh al-Qaraḍāwī berkaitan hal ini. Demikian ujarnya. Cuma, saya harap al-Qaraḍāwī tidak termasuk dalam punca pemilihan.

Selepas puas membuktikan bahawa pendapat yang mewajibkan adalah pendapat jumhur ulama, sekarang ingin saya dedahkan satu-persatu, adakah benar dalil-dalil syariat dan *āthār* sahabat menunjukkan

kebenaran pendapat tidak mewajibkan menutup muka itu? Hujah mereka memang banyak, tetapi saya malas menyenaraikan kesemuanya di sini. Memadailah diselidik kesemua hujah yang dipilih oleh Fatimah Syarha dalam makalahnya kerana semestinya itulah hujah-hujah terkuat bagi pihaknya. Apabila tiang seri roboh, robohlah istananya. Apabila ibu kota dirampas, tertawanlah negerinya.

Disebabkan kekangan masa, saya tidak berhajat menghimpunkan keseluruhan jawapan yang mungkin kepada dalil-dalil beliau. Malah, saya akan mengkhususkan satu atau hanya beberapa jawapan untuk setiap dalil. Jawapan yang diberikan, insya-Allah adalah jawapan yang terkuat. 'Terkuat' kerana terdapat banyak jawapan lain yang disediakan oleh alim-ulama. Ada yang kuat, ada yang lemah. Jawapan yang saya pilih, mudah-mudahan jawapan yang paling kuat antara jawapan-jawapan tersebut.

Hujah Pertama: Ayat 31, surah al-Nūr - Ayat *Zīnah*

Firman Allah SWT:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

> ... Dan janganlah mereka (para Mukminah) menampakkan perhiasan mereka kecuali apa yang zahir daripadanya...
> [Ayat 31, surah al-Nūr]

Terjemahan di atas berdasarkan harfiah. Fatimah Syarha pula menterjemahkannya dengan;

> Dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya.

Fatimah Syarha menjelaskan bahawa;

> Tafsiran majoriti para sahabat terhadap surah al-Nūr, ayat 31... Mereka mengecualikan muka dan tapak tangan.

Antara mereka yang berpandangan demikian ialah Anas bin Mālik, Ibnu ’Abbās, ’Ā‘ishah, Sa’īd bin Jubayr, ’Aṭā‘, Qatādah, Miswar[109] bin Makhramah, Ibnu Jurayj, dan lain-lain. Imam al-Ṭabarī, al-Rāzī, al-Bayḍāwī, dan lain-lain menyokong pendapat Ibnu ’Abbās dan lain-lain.

Daripada penjelasan di atas, disimpulkan bahawa tafsiran jumhur sahabat bagi ‘apa yang zahir daripadanya’ adalah muka dan tapak tangan yang diikuti pula oleh sekelompok tabiin dan dipilih oleh sebahagian mufasirin. Ini bermakna, muka boleh diperlihatkan dan tidak perlu ditutup walaupun di hadapan ajnabi kerana yang diperintahkan untuk ditutup adalah selain muka dan tapak tangan sahaja - menurut Fatimah Syarha.

Sebagai makluman, dijelaskan bahawa beliau tersilap menyandarkan tafsiran ‘muka dan tapak tangan’ kepada Anas bin Mālik,[110] ’Ā‘ishah,[111]

---

[109] Pembetulan daripada asal: Musawwir.

[110] Diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *al-Sunan al-Kubrā* (1424 H); Beirut: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah; jil. 2, hal. 319 secara *mu’allaq* daripada beliau seperti:

الكُحْلُ وَالخَاتَمُ

Celak dan cincin.

Disebutkan oleh al-Sayūṭī dalam *al-Durr al-Manthūr* (1424 H); Kaherah: Markaz Hijr; jil. 11, hal. 24 secara *mu’allaq* daripada Ibnu al-Mundhir daripada beliau.

Kesimpulannya, riwayat ini *ḍa’īf*.

[111] Diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *al-Sunan al-Kubrā*; no. 3127 dan Mujāhid dalam *Tafsīr al-Imām Mujāhid ibn Jabr* (1410 H); Kaherah: Dār al-Fikr al-Islāmī al-Ḥadīthah; hal. 491 daripada ’Abd al-Raḥmān bin al-Ḥasan al-Qāḍī daripada Ibrāhīm bin al-Ḥusayn daripada Ādam bin Abū Iyyās daripada Warqā‘ - bin ’Umar - daripada ’Uqbah bin al-Aṣamm daripada ’Aṭā‘ bin Abū Rabāḥ daripada beliau - tanpa Warqā‘ dalam riwayat al-Bayhaqī;

الوَجْهُ والكَفَّانِ

Muka dan dua belah tapak tangan.

’Abd al-Raḥmān bin al-Ḥasan - al-Asadī al-Hamdhānī; ’Alī bin Ṣāliḥ: *ḍa’īf*, mendakwa meriwayatkan daripada Ibnu Dayzīl lalu hilang ilmunya. Aku pernah mencatat beberapa hadis daripadanya pada hari-hari selamat (sebelum beliau berubah). Beliau (ketika itu) tidak mendakwa (meriwayatkan) daripada Ibrāhīm (Ibnu Dayzīl) kemudian mendakwanya. Beliau meriwayatkan hadis-hadis yang terkenal (daripada Ibrāhīm). Ibrāhīm ditanyakan tentangnya (hadis-hadis tersebut) dan beliau memandang aneh. Kami rasa beliau (Ibrāhīm) mengingkari (’Abd al-Raḥmān) mendengarnya (daripada beliau). Sepupunya, Abū Ja’far dan al-Qāsim bin Abū Ṣāliḥ

Miswar bin Makhramah,[112] Ibnu Jurayj, dan Sa'īd bin Jubayr kerana riwayat-riwayat berkenaan tidak sahih pun daripada mereka. Selain itu, Sa'īd bin Jubayr, 'Aṭā', Qatādah, dan Ibnu Jurayj tabiin bukan sahabat.

Walau bagaimanapun, bukan kesilapan ini yang ingin ditumpukan sebaliknya kesilapan menjadikan tafsiran ayat tadi sebagai dalil keharusan mendedahkan muka. Hal ini demikian kerana mentafsirkan ayat tersebut dengan muka tidak bermakna harus mendedahkan muka secara mutlak. Ayat tersebut hanya menjelaskan had aurat yang boleh dibuka kepada ajnabi apabila wujud hajat dan maslahat. Maknanya, apabila perlu, hanya muka dan tapak tangan boleh diperlihatkan kepada mereka. Selain itu, tidak - kecuali dalam keadaan darurat.

Sebelum ini pun sudah dijelaskan, sebahagian ulama yang mengatakan muka bukan aurat aurat pun mewajibkan menutup muka. Ini bererti, tidak ada hubung kait antara keauratan muka dengan menutup muka. Tidak semestinya setiap yang perlu ditutup itu aurat. Tetapi, setiap aurat perlu ditutup. Oleh itu, mafhum ayat ini sebenarnya berbunyi;

> ... Dan janganlah mereka (para Mukminah) menampakkan perhiasan mereka (sama sekali) kecuali apa yang zahir daripadanya (perhiasan, maka bolehlah dinampakkan apabila perlu)...

---

juga mengingkari (riwayatnya daripada Ibrāhīm). Beliau pun diam sehinggalah mereka semua meninggal dunia kemudiannya mendakwa (meriwayatkan) kitab-kitab *muṣannaf* dan tafsir... Aku dengar al-Qāsim mendustakannya. Ini di samping penglibatannya dalam urusan orang-orang yang zalim (pemerintah). [Lihat: al-Dhahabī (1417 H); *Siyar A'lām al-Nubalā'*; Beirut: Mu'assasah al-Risālah; jil. 16, hal. 15-16; rujuk: al-Khaṭīb al-Baghdādī (1422 H); *Tārikh Baghdād*; Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī; no. 5381]

Kesimpulannya, riwayat ini *mawḍū'*.

[112] Diriwayatkan oleh 'Abd al-Razzāq al-Ṣan'ānī dalam *Tafsīr*; *op. cit*; jil. 2, hal. 56 daripada Ma'mar - bin Rāshid - daripada - Muḥammad bin Muslim - al-Zuhrī daripada seorang lelaki daripada beliau.

Kesimpulannya, riwayat ini *ḍa'īf*.

Tafsiran ini bertepatan dengan pendapat kesemua ulama dan amalan umat Islam zaman-berzaman yang mengharuskan wanita membuka muka apabila terdapat kemaslahatan yang memerlukan kepada pengenalan dan pengecaman diri seperti jual beli, peminangan, dan penyaksian. Secara ijmak mereka mengecualikan muka daripada *zīnah* yang diperintahkan untuk ditutup dalam keadaan-keadaan tersebut sebagai satu rukhsah.

Dipanggil rukhsah kerana pada awalnya wanita diperintahkan menutup seluruh tubuh iaitu melalui penurunan ayat 59, surah al-Aḥzāb yang diikuti dengan penurunan ayat 31, surah al-Nūr yang mengandungi keringanan mendedahkan muka.[113] Hakikatnya, ramai ulama yang memahami ayat ini dengan makna yang disebutkan. Saya tampilkan tiga daripada mereka sebagai contoh;

Pertama, Imam al-Bayhaqī (458 H). Beliau mengadakan sebuah bab dengan tajuk;

> Apa yang (Boleh) Didedahkan oleh Wanita Berupa Perhiasannya Ketika Hajat untuk Dilihat dan Apa yang Tidak (Boleh) Didedahkan.[114]

Perhatikan penjelasan beliau dengan 'apa yang (boleh) didedahkan... ketika hajat...' Kemudian, beliau menyebutkan ayat 31, surah al-Nūr dan menyebutkan tafsiran Imam al-Shāfi'ī dengan muka dan tapak tangan sebelum meriwayatkan hadis Asmā' binti Abū Bakr tentang keharusan mendedahkan muka dan tapak tangan.[115] Ini menunjukkan bahawa beliau memahami pengecualian dalam ayat khusus dengan maslahat.

---

[113] Lihat: Abū 'Abd Allāh al-Dhahabī; *Matā Nuzilat Āyat al-Ḥijāb?*; http://www.saaid.net/female/h26.htm tanpa tarikh.
[114] *Al-Ādāb* (1406 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; hal 339; versi Jawāmi' al-Kalim 3.48.
[115] *Ibid*; hal 339-400.

Kedua, Imam Abū ’Abd Allāh al-Qurṭubī (671 H). Beliau memilih tafsiran muka dan tapak tangan untuk ‘apa yang zahir daripadanya’ dengan mengatakan;

> ... Hanya sahaja disebabkan muka dan dua belah tapak tangan kebiasaannya terdedah kerana adat atau ibadat dan begitu juga semasa solat dan haji, maka pengecualian (daripada perhiasan yang wajib ditutup) sesuai untuk merujuk kepadanya (muka dan tapak tangan).[116]

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan di tempat lain bahawa;

> Berdasarkan yang terkandung dalam usul syariat bahawa wanita seluruhnya adalah aurat sama ada tubuh mahupun suaranya seperti yang telah dijelaskan maka tidak harus mendedahkannya (tubuh dan suara) kecuali kerana hajat seperti penyaksian ke atasnya atau penyakit yang terdapat pada tubuhnya...[117]

Penyaksian ke atas wanita memerlukannya menunjukkan muka untuk dicam. Ini adalah antara keadaan yang mengharuskan wanita mendedahkan muka. Oleh itu, difahami di sini bahawa muka tidak boleh dinampakkan dalam keadaan biasa. Ini memberi kefahaman bahawa pengecualian muka dan tapak tangan dalam ayat 31, surah al-Nūr bukansecara mutlak.

Ketiga, Imam al-Sayūṭī (911 H). Kata beliau ketika mentafsirkan ayat berkenaan;

> ... [Kecuali apa zahir daripadanya] iaitu muka dan kedua-dua belah tapak tangan. Maka, diharuskan bagi ajnabi

---

[116] *Al-Jāmi’ li-Aḥkām al-Qur‘ān wa-al-Mubayyin li-Mā Taḍammana-hu mina al-Sunnah wa-Āy al-Furqān* (1427 H); Beirut: Mu‘assasah al-Risālah; jil. 15, hal. 213.
[117] *Ibid*; jil. 17, hal. 208.

> melihatnya sekiranya tidak dibimbangkan fitnah dalam satu daripada dua pendapat. Pendapat kedua, diharamkan (ajnabi melihatnya) kerana merupakan punca berlakunya fitnah dan pendapat ini dipilih untuk menutup pintu (fitnah).[118]

Secara terang beliau mentafsirkan 'apa zahir daripadanya' dengan muka dan tapak tangan walaupun beliau menguatkan keharaman memandangnya dalam keadaan aman daripada fitnah. Tetapi, di tempat lain, ketika mentafsirkan ayat 59 surah al-Aḥzāb beliau menyatakan:

> ... Iaitu hendaklah mereka mengenakan sebahagian (jilbab) pada muka apabila mereka keluar untuk (menunaikan) keperluan-keperluan mereka kecuali sebelah mata.[119]

Juga kata beliau;

> Ayat hijab (ayat 59 surah al-Aḥzāb) ini (ditujukan) kepada seluruh wanita. Di dalamnya, terdapat (dalil) kewajipan menutup kepala dan muka ke atas mereka tetapi ini tidak diwajibkan ke atas hamba perempuan.[120]

Ini menunjukkan beliau tidak berpendapat muka boleh didedahkan secara mutlak walaupun beliau mentafsirkan perhiasan yang zahir dengan muka dan tapak tangan. Apabila keluar rumah atau berhadapan dengan ajnabi, wanita diwajibkan menutup muka. Ini bermakna, muka hanya boleh dibuka dalam keadaan-keadaan tertentu. Jika tidak, berlaku ketidakserasian antara kata-kata beliau.

---

[118] *Tafsīr al-Jalālayn* (1425 H); Kaherah: Maktabah al-Ṣafā; hal. 353.
[119] *Ibid*; hal. 426.
[120] *Al-Iklīl fī Istinbāṭ al-Tanzīl* (1401 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; hal. 214.

Dengan ini, semua tafsiran 'apa yang zahir daripadanya (*zīnah*)' dengan muka atau semakna dengannya tidak boleh menjadi hujah untuk mengatakan menutup muka tidak wajib.

Hujah Kedua: Hadis Asmāʻ binti Abū Bakr

Diriwayatkan oleh Abū Dawūd (275 H)[121] dan al-Bayhaqī[122] menerusi Sa'īd bin Bashīr daripada Qatādah - bin Di'āmah - daripada Khālid bin Durayk daripada 'Āʻishah RA bahawa Asmāʻ binti Abū Bakr RA masuk menemui Rasulullah SAW dengan memakai baju yang nipis. Rasulullah pun berpaling dan bersabda:

> يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ تَصْلُحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلاَّ هَذَا وَهَذَا
>
> Wahai Asmāʻ, sesungguhnya perempuan apabila telah didatangi haid tidak boleh lagi dilihat daripadanya selain daripada ini dan ini...

... Seraya baginda menunjukkan muka dan dua belah tapak tangan baginda - dengan lafaz Abū Dawūd.

Terjemahan Fatimah Syarha pula berbunyi;

> ... Bahawa Asmāʻ binti Abū Bakr pernah mendatangi rumah Nabi SAW (baginda merupakan adik ipar Asma') dengan mengenakan pakaian tipis yang menampakkan tubuhnya. Lalu Nabi SAW berpaling daripadanya dan berkata, "Wahai Asmāʻ, sesungguhnya seorang wanita yang telah haid tidak dibolehkan menampakkan bahagian daripada (tubuh)-nya kecuali ini dan ini." Baginda SAW memberikan isyarat kepada wajah dan kedua telapak tangan.

---

[121] *Sunan Abī Dāwūd* (1430 H); Damsyik: Dār al-Risālah al-'Ālamiyyah; no. 4104.
[122] *Al-Sunan al-Kubrā*: *op. cit*; no. 13496 dan Shu'ab al-Īmān (1423 H); Riyadh: Maktabah al-Rushd; jil. 10, hal. 7409.

Kemudian, menurut beliau;

> Al-Albāni[123] menilai hadis ini hasan dalam kitabnya, *Ḥijāb al-Mar'ah al-Muslimah*, meskipun statusnya mursal dan perawinya *ḍa'īf*. Ini kerana ada hadis penguat (hadis *shāhid*) dari riwayat Asma' binti 'Umays. Riwayat penguat lain ialah realiti yang berlaku pada zaman Nabi dan sahabat, ramai wanita tidak berniqab.

Daripada keterangan tersebut, didapati bahawa beliau mengakui bahawa hadis yang disebutkan mursal dan *ḍa'īf*. Tetapi, beliau cuba menguatkannya - sama ada menjadi sahih atau hasan - dengan dua sokongan. Pertama, hadis Asmā' binti 'Umays RA. Kedua, keadaan kebanyakan wanita pada zaman Rasulullah SAW dan sahabat yang tidak berpurdah. Disebabkan beliau sendiri mengakui bahawa hadis tersebut mursal dan *ḍa'īf*, saya tidak mahu mengulas tentangnya - walaupun saya hanya mengatakannya mursal sahaja. Sebaliknya, saya hanya mahu menyentuh perihal penguatan yang didakwa.

Baiklah, dimaklumkan bahawa hadis ini hakikatnya adalah mursal Qatādah iaitu diriwayatkan oleh Qatādah terus daripada Rasulullah SAW.[124] Riwayat-riwayat lain yang menyebutkan Aisyah atau nama-nama lain antara beliau dengan Rasulullah tidak sahih.[125] Qatādah merupakan tabiin peringkat pertengahan - antara tabiin besar dengan

---

[123] Pembetulan daripada asal: al-Bani.

[124] Diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam *al-Marāsīl* (1418 H); Beirut: Mu'assasah al-Risālah; no. 437; daripada Muḥammad bin Bashshār daripada Ibnu* Dāwūd daripada Hishām - bin Sanbar - daripada Qatādah bahawa Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ الجَارِيَةَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ يَصْلُحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا وَجْهُهَا وَيَدَاهَا إِلَى المَفْصِلِ

Sesungguhnya perempuan apabila telah berhaid, tidak boleh dilihat daripadanya kecuali muka dan tangannya hingga ke pergelangan.

* Dalam *al-Marāsīl ma' al-Asānīd* (1406 H); Beirut: Dār al-Qalam; hal. 215: Abū.

[125] *Al-Naqd al-Bannā' li-Ḥadīth Asmā' fī Kashf al-Wajh wa-al-Kaffayn li-al-Nisā'* (1422 H); Giza: Maktabah Ibn Taymiyyah; hal. 39.

tabiin kecil sedangkan selain tabiin besar, mursal mereka dianggap lemah. Kata Imam al-Dhahabī (748 H):

> Antara selemah-lemah mursal di sisi mereka (ulama) adalah mursal al-Ḥasan. Lebih lemah daripada itu adalah mursal al-Zuhrī, Qatādah, dan Ḥumayd al-Ṭawīl daripada kalangan tabiin kecil.[126]

Oleh yang demikian, mursal Qatādah tidak boleh diterima secara mutlak - dengan mahupun tanpa sokongan. Inilah pegangan ulama-ulama yang disebutkan oleh mahaguru dalam masalah ini, Imam al-Shāfi'ī dalam kata-katanya;

> Adapun (tabiin) selepas tabiin besar yang banyak menyaksikan sebahagian sahabat Rasulullah, aku tidak tahu ada seorang pun daripada mereka (ahli ilmu) yang menerima mursalnya kerana beberapa sebab...[127]

Beliau mengucapkan kata-kata ini selepas menerangkan syarat-syarat penerimaan hadis mursal yang menandakan bahawa penguatan hadis mursal dengan karenah lain hanya sah pada mursal tabiin besar. Jika mursal Qatādah dilayakkan untuk penguatan sekalipun, hadis Asmā' binti 'Umays tetap tidak berupaya untuk menyokongnya kerana diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī[128] (360 H) dan al-Bayhaqī[129] menerusi - 'Abd Allāh - bin Lahī'ah daripada 'Iyāḍ bin 'Abd Allāh daripada Ibrāhīm bin 'Ubayd bin Rifā'ah al-Anṣārī daripada ayah/ibunya daripada Asmā' binti 'Umays.

---

[126] *Al-Mūqiẓah fī 'Ilm Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* (1405 H); Aleppo: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah; hal. 40.
[127] *Al-Risālah* (1430 H); Iskandariah: Dār al-'Aqīdah; hal. 361.
[128] Lihat: *al-Mu'jam al-Kubrā* (t.t); Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah; jil. 24, hal. 142-143, no. 378 dan *al-Mu'jam al-Awsaṭ* (1415 H); Kaherah: Dār al-Ḥaramayn; no. 8394.
[129] Lihat: *al-Sunan al-Kubrā*; *op. cit*; no. 13497.

’Abd Allāh bin Lahī’ah ini *ḍa’īf*. Kata al-Dhahabī: dilemahkan... Imam Aḥmad berkata: siapa lagi seperti Ibnu Lahī’ah di Mesir dari segi banyaknya hadis, ketelitian, dan ketepatannya? Aku (al-Dhahabī) mengatakan: (yang menjadi) amalan adalah melemahkan hadisnya.[130] Kata Ibnu Ḥajar al-’Asqalānī (852 H): *ṣadūq*... bercelaru selepas kitab-kitab beliau terbakar. Riwayat Ibnu al-Mubārak dan Ibnu Wahb lebih tepat berbanding selain mereka.[131]

Sebahagian ulama pula menyamakan antara hadis-hadisnya sama ada sebelum atau selepas bercelaru seperti Abū Zur’ah al-Rāzī (264 H). Beliau ditanya tentang riwayat-riwayat awal daripada beliau. Jawabnya: awal atau akhir sama sahaja...[132] Sebahagian ulama pula mendakwa ittifak ahli hadis atas kelemahan beliau. Kata al-Tirmidhī (279 H): *ḍa’īf* di sisi ahli hadis... Kata al-Bayhaqī: telah bersepakat ahli hadis atas kelemahan Ibnu Lahī’ah dan tidak berhujah dengan apa yang diriwayatkannya secara bersendirian.[133] Makanya, beliau *ḍa’īf*.

Selain itu, guru beliau, ’Iyāḍ bin ’Abd Allāh juga bermasalah. Kata al-Dhahabī: (ada) di-*thiqah*-kan dan kata Abū Ḥātim: tidak kuat.[134] Kata Ibnu Ḥajar: *fī-hi līn*.[135]

Sebahagian ulama memuktamadkan beliau sebagai *ḍa’īf*. Kata Yaḥyā bin Ma’īn (233 H): *ḍa’īf al-ḥadīth.*[136] Kata al-Bukhārī (256 H): *munkar al-ḥadīth*.[137] Kata al-’Uqaylī (322 H): hadis-hadisnya tidak *maḥfūẓ*.[138] Ulama yang menerimanya juga mengakui bahawa beliau bermasalah

---

[130] *Al-Kāshif fī Ma’rifah Man La-hu Riwāyah fī al-Kutub al-Sittah* (t.t); Jeddah: Dār al-Qiblah; 2934.
[131] *Taqrīb al-Tahdhīb*; *op. cit*; no. 3945.
[132] Lihat: Ibnu Abī Ḥātim (1371 H); *al-Jarḥ wa-al-Ta’dīl*; Hayderabad: Dā‘irah al-Ma’ārif al-Islāmiyyah; no. 682.
[133] *Ma’rifah al-Sunan wa-al-Āthār* (1412 H); Aleppo: Dār al-Wa’y; jil. 9, hal. 43.
[134] *Al-Kāshif*; *op. cit*; no. 4359.
[135] *Taqrīb al-Tahdhīb*; *op. cit*; no. 5632.
[136] Lihat: Ibnu Ḥajar al-’Asqalānī (1413 H); *Tahdhīb al-Tahdhīb*; Beirut: Dār Iḥyā‘ al-Turāth al-’Arabī; no. 6125.
[137] Lihat: al-’Uqaylī (1420 H); *Kitāb al-Ḍu’afā‘*; Riyadh: Dār al-Ṣamī’ī; no. 1385.
[138] *Ibid*.

seperti Aḥmad bin Ṣāliḥ (248 H): (beliau seorang yang) *thabt*, mempunyai kedudukan di Madinah tetapi di dalam hadisnya terdapat sesuatu.[139] Jadi, ’Iyāḍ bin ’Abd Allāh lebih tepat adalah seorang yang *maqbūl.* Jadi, hadisnya secara berseorangan dikira *ḍa’īf*.

Ini bermakna hadis Asmā‘ binti ’Umays paling tinggi adalah *ḍa’īf* sedangkan syarat penguatan hadis mursal dengan hadis *musnad* yang lain hadis *musnad* tersebut mestilah sahih iaitu diriwayatkan oleh rawi-rawi yang *thiqah* seperti yang dijelaskan oleh Imam al-Shāfi’ī - tanpa mengambil kira syaratnya tentang tabiin besar;

> Antaranya, hendaklah dilihat kepada hadis yang diriwayatkan secara mursal itu. Sekiranya para hafiz kepercayaan turut sama (dalam meriwayatkannya) dan meriwayatkannya secara musnad daripada Rasulullah dengan makna seperti yang diriwayatkan (oleh rawi yang memursalkannya), ini menjadi petanda kesahihan (riwayat) rawi yang (riwayat ini) diterima daripadanya dan hafalannya.[140]

Tentang penguatan dengan ‘realiti yang berlaku pada zaman Nabi dan sahabat, ramai wanita tidak berniqab’ pula, sebenarnya penguatan dengan cara ini tidak sah kerana termasuk dalam apa yang dipanggil *al-istidlāl bi-maḥall al-nizā’*: pendalilan dengan tempat khilaf. Hal ini sama dengan orang yang mengatakan, hadis ini *ḍa’īf* kerana bertentangan dengan realiti yang berlaku pada zaman Nabi dan sahabat iaitu semua wanita berniqab. Tidak sepatutnya seorang yang menghujah sesuatu pandangan menggunakan pendalilan seperti itu.

Dengan yang demikian, hadis Aisyah RA tetap mursal dan tidak boleh dijadikan hujah untuk mengatakan muka tidak wajib ditutup.

---

[139] Lihat: Ibnu Shāhīn (1404H); *Tārīkh Asmā‘ al-Thiqāt*; as-Safat: al-Dār al-Salafiyyah; no. 1097.

[140] *Al-Risālah*; *op. cit*; hal. 363.

Hujah Ketiga: Hadis Thābit bin Shammās

Diriwayatkan oleh Abū Dāwūd[141] daripada 'Abd al-Raḥmān bin Sallām daripada Ḥajjāj bin Muḥammad daripada Faraj bin Faḍālah daripada 'Abd al-Khabīr bin Qays bin Thābit bin Shammās[142] daripada ayahnya daripada datuknya RA, katanya: seorang perempuan yang dipanggil Ummu Khallād datang kepada Nabi SAW sedangkan ia berpurdah bertanyakan tentang anaknya yang gugur (syahid). Sebahagian sahabat Nabi SAW pun bertanya "kamu datang bertanyakan tentang anakmu dalam keadaan berpurdah?" Jawab beliau: walaupun aku kehilangan anak, aku tidak akan kehilangan perasaan malu...

Dialih bahasa oleh Fatimah Syarha pula dengan;

> ... Seorang wanita (yang dikenal sebagai Ummu Khallād[143]) datang menemui Rasulullah. Dia datang dengan wajah tertutup. Dia bertanya perihal anaknya yang terbunuh. Beberapa orang sahabat berkata kepadanya, "saudari datang untuk bertanya dengan wajah tertutup?" Ummu Khallād berkata, "walau anak saya terbunuh, tapi tidak dengan rasa malu saya."

Daripada hadis ini, beliau mengatakan:

> Pada waktu-waktu tertentu (bukan semua waktu), mengenakan penutup wajah dipandang aneh dan menimbulkan tanda tanya... Jika memang penutup muka pada zaman itu sudah mentradisi lalu apa alasan perawi berkata sesuatu yang menunjukkan mereka hairan dengan

---

[141] *Sunan Abī Dāwūd*; *op. cit*; no. 2488.

[142] Pembetulan daripada asal: 'Abd al-Khabīr bin Thābit bin Qays bin Shammās. [Lihat: Ibnu Ḥajar al-'Asqalānī; (1414 H); *Tahdhīb al-Tahdhīb*; Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī; no. 4306]

[143] Pembetulan daripada asal: Khalad, begitu juga selepas ini.

penampilan Ummu Khallād. Jawapan Ummu Khallād menunjukkan alasannya menutup wajah adalah kerana rasa malu bukan kerana perintah Allah dan Rasul. Kalau memang penutup wajah wajib secara syariat, tentu dia tak akan menjawab demikian dan sahabat tidak bertanya demikian, seakan-akan[144] bertanya, "kenapa kamu solat?"

Taakulan yang dibuat oleh beliau ada benarnya tetapi hanya sekiranya hadis ini dapat diterima tetapi malangnya hadis ini langsung tidak sahih. Faraj bin Faḍālah, kata al-Dhahabī: dilemahkan oleh al-Dāraquṭnī dan lain-lain. Dikuatkan oleh Aḥmad.[145] Kata Ibnu Ḥajar: *ḍa'īf*.[146]

Sebenarnya, Imam Aḥmad tidak menguatkannya secara mutlak. Pernah beliau mengatakan: Abū Faḍālah (Faraj bin Faḍālah) meriwayatkan hadis-hadis *munkar* daripada (beberapa) orang-orang *thiqah*.[147] Sementara itu, kata al-Bukhārī[148] dan Muslim[149] (261 H): *munkar al-ḥadīth*. Kata Ibnu Ḥibbān (354 H): termasuk antara orang-orang yang menterbalikkan sanad dan meletakkan matan-matan yang lemah pada sanad-sanad yang sahih. Tidak halal berhujah dengannya.[150]

Selain itu, kata Ibnu Mahdī (198 H): Faraj bin Faḍālah meriwayatkan hadis-hadis yang *maqlūbah* lagi *munkar* daripada ahli Hijaz.[151] Kata Imam Aḥmad pula: apabila ia meriwayatkan daripada orang-orang

---

[144] Pembetulan daripada asal: seakan.
[145] *Al-Kāshif*; *op. cit*; no. 4446.
[146] *Taqrīb al-Tahdhīb*; *op. cit*; no. 2052.
[147] Lihat: *Su'ālāt Abī Dāwūd* (1414 H); Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa-al-Ḥikam; no. 300.
[148] *Al-Tārikh al-Ṣaghīr* (1406 H); Beirut: Dār al-Ma'rifah; jil. 1, hal. 187.
[149] *Al-Kunā wa-al-Asmā'* (1404 H); Madinah: al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah bi-al-Madīnah al-Munawwarah; no. 2766.
[150] *Al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn wa-al-Ḍu'afā' wa-al-Matrūkīn* (1412 H); Beirut: Dār al-Ma'rifah; jil. 2, no. 206.
[151] Lihat: *al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl* (t.t); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 7, hal. 142.

Syam, tidak mengapa.[152] Ini bermakna, beliau juga melemahkan hadis-hadisnya daripada rawi-rawi Hijaz. Gurunya dalam hadis ini, ʼAbd al-Khabīr bin Qays orang Hijaz, bukan Syam. Oleh itu, beliau dihukum *munkar al-ḥadīth jiddan* dalam hadis ini. Ini sekiranya apa yang diperkatakan oleh Ibnu Ḥibbān tidak benar. Jika tidak, beliau *kadhdhāb*.

ʼAbd al-Khabīr bin Qays pula apa kurangnya. Kata Ibnu Ḥajar: *majhūl al-ḥāl*.[153] Kata al-Dhahabī: *shaykh*.[154] Kata al-Bukhārī: hadisnya *laysa bi-qā'im*.[155] Kata al-ʼUqaylī (322 H): hadisnya tidak disokong dan tidak diketahui melainkan dengannya (hadis tersebut). Seorang ahli Madinah.[156]

Ibnu Ḥibbān: *munkar al-ḥadīth jiddan*. Aku tidak pasti sama ada *nakārah* dalam hadisnya adalah daripadanya atau daripada al-Faraj bin Faḍālah kerana al-Faraj dalam bab hadis tidak berguna langsung. Apabila terdapat syeikh yang lemah yang meriwayatkan daripada seorang syeikh, tidak mudah untuk meletakkan kelemahan hanya kepada salah seorang daripada mereka walaupun sewajibnya menjauhi perkara-perkara yang diriwayatkannya.[157] Kata Ibnu ʼAdī (365 H): tidak dikenali.[158] Jadi, beliau *majhūl*. Sudah pasti, hadis yang dimaksudkan oleh mereka semua adalah hadis tadi kerana tidak ada hadis lain yang diriwayatkan oleh beliau.

Kesimpulannya, hadis ini *ḍaʼīf jiddan* dan tidak jauh kalau dikatakan *mawḍūʼ*. Dengan dapatan ini, kelemahan Fatimah Syarha dalam berhujah dengan nas yang sahih menjadi semakin nyata.

Hujah Keempat: Hadis Larangan Berpurdah Ketika Ihram

---

[152] Lihat: al-Dūlābī (1322 H); *al-Kunā wa al-Asmā'*; Hayderabad: Maktabah al-Maʼārif al-Niẓāmiyyah; jil. 2, hal. 81.
[153] *Taqrīb al-Tahdhīb*; *op. cit*; no. 4212.
[154] *Al-Kāshif*; *op. cit*; no. 3122.
[155] *Al-Kāmil fī Ḍuʼafā' al*-Rijāl; *op. cit*; hal. 51.
[156] *Kitāb al-Ḍuʼafā'*; *op. cit*; no. 1091.
[157] *Al-Majrūḥīn*; *op. cit*; no. 141.
[158] *Al-Kāmil*; *op. cit*.

Diriwayatkan oleh al-Bukhārī[159] dan al-Bayhaqī[160] daripada Ibnu ʼUmar RA bahawa Rasulullah bersabda:

... وَلَا تَنْتَقِبْ الْمَرْأَةُ الْمُحْرِمَةُ...

Dan wanita yang berihram tidak boleh berpurdah.

Namun begitu, hadis ini diterjemahkan oleh Fatimah Syarha dengan bunyi;

> Rasulullah melarang wanita dalam ihram mengenakan penutup wajah.

Beliau juga menyandarkan hadis ini kepada al-Bukhārī dan al-Bayhaqī daripada hadis Ibnu ʼAbbās dan ʼĀʻishah RA. Saya tidak tahu hadis mana yang diambilnya tetapi saya pasti beliau tersilap menterjemah *niqāb* seperti yang terdapat dalam sesetengah riwayat[161] dengan ʻpenutup wajahʼ. Kalimah tersebut sepatutnya diterjemahkan dengan purdah.

Kemudian, Fatimah Syarha melanjutkan;

> Al-Baihaqī meriwayatkan dari Ibnu ʼAbbās dan ʼĀʻishah, Rasulullah melarang wanita dalam ihram mengenakan penutup wajah. (HR Bukhārī). Jika wajah dan tapak tangan memang aurat, kenapa Rasulullah melarang menutupnya? Padahal, apa-apa yang dilarang ketika ihram seperti menggunakan pakaian berjahit, berburu, dan memakai

[159] *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (1427 H); Riyadh: Maktabah al-Rushd; no. 1838.
[160] *Al-Sunan al-Kubrā*; op. cit; no. 9040.
[161] Antaranya riwayat Abū Dāwūd; *Sunan Abī Dāwūd*; *op. cit*; no. 1827 daripada Ibnu ʼUmar RA bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW;

نَهَى النِّسَاءَ فِي إِحْرَامِهِنَّ عَنْ الْقُفَّازَيْنِ وَالنِّقَابِ...

Melarang wanita yang sedang berada dalam ihram daripada (memakai) dua belah sarung tangan dan purdah.

> wangian pada asalnya boleh. Bagaimana boleh dikatakan yang wajib ketika ihram (membuka wajah) pada asalnya adalah haram pula? Ulama sepakat bolehnya wanita membuka wajah ketika solat dan haji. Apakah mungkin syariat membenarkan terbukanya aurat ketika haji dan solat?

Baiklah, diterangkan dahulu bahawa beliau tersilap - buat sekian kalinya - dengan mencampuradukkan persoalan keauratan muka dengan kewajipan menutupnya - daripada ajnabi. Dua perkara ini berbeza. Kita tidak membincangkan tentang keauratan muka tetapi hukum menutupnya. Jadi, tidak sepatutnya soalan 'apakah mungkin syariat membenarkan terbukanya aurat ketika haji...' ini ditimbulkan.

Kedua, Rasulullah SAW tidak pernah melarang wanita muhrim menutup muka. Apa yang diriwayatkan daripada baginda hanyalah larangan memakai purdah - atau 'penutup wajah' mengikut istilah Fatimah Syarha. Harus diingatkan, berpurdah dan menutup muka satu benda yang berlainan. Berpurdah semestinya menutup muka, tetapi menutup muka tidak semestinya berpurdah. Maka, tidak sepatutnya dicetuskan 'jika wajah memang aurat, kenapa Rasulullah melarang menutupnya?'

Ketiga, yang disepakati oleh ulama hanyalah tentang 'bolehnya wanita membuka wajah ketika solat dan haji' dan ini tidak dinafikan. Mereka juga bersepakat mengharuskannya ketika bersendirian dan bersama *maḥram*. Tetapi masalahnya, bukan perkara ini yang dibicarakan. Persoalan sekarang, adakah mereka bersepakat mewajibkan wanita yang sedang solat atau berihram mendedahkan muka secara mutlak - walaupun dipandang oleh ajnabi? Sebahagian ulama mewajibkan menutup muka secara walaupun di dalam solat dan ihram apabila dilihat ajnabi - seperti yang dibawakan sebelum ini. Ini bermakna tidak ada ijmak dalam masalah ini.

Ketiga, terdapat beberapa perkara yang asalnya adalah wajib tetapi menjadi haram dalam keadaan-keadaan tertentu walaupun bukan sebab hajat atau darurat. Sebagai contoh, solat fardu bagi perempuan pada asalnya adalah wajib tetapi menjadi haram dalam keadaan berhaid dan bernifas. Jadi, 'bagaimana boleh dikatakan yang wajib ketika ihram (membuka wajah) pada asalnya adalah haram pula?' seolah-olah bertanyakan 'bagaimana boleh dikatakan yang wajib ketika kotor (meninggalkan solat) pada asalnya adalah haram pula?'

Keempat, oleh sebab masalah mendedahkan muka ketika ihram masih diperselisihkan para ulama, menjadikan pendapat yang mewajibkannya secara mutlak sebagai hujah adalah perbuatan yang tidak wajar lagi tidak sah kerana termasuk dalam *al-istidlāl bi-maḥall al-nizā'*.

Say sudahi jawapan ini dengan menukilkan kata-kata Syeikh 'Alī al-Ṣābūnī - tanpa membenarkan keseluruhannya. Kata beliau;

> ... Menunjukkan dengan jelas kewajipan menutup muka dan tidak mendedahkan di hadapan ajnabi. Ya Allah, kecuali... Atau wanita itu sedang berada dalam ihram haji kerana waktu itu adalah waktu ibadat sedangkan fitnah (ketika itu) terpelihara. Oleh itu, tidak (boleh) disamakan (waktu-waktu lain) dengan waktu ini sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang jahil pada hari ini apabila mereka mengatakan "apabila harus mendedahkan muka dalam keadaan ihram, maknanya harus juga baginya mendedahkannya pada waktu-waktu lain kerana muka bukan aurat". Ini adalah kata-kata orang yang tidak faham syariat Islam.[162]

Hujah Kelima: Ayat 30 Surah al-Nūr

Firman Allah SWT:

---

[162] *Rawā'i' al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* (t.t); Dār al-Fikr; jil. 2, hal. 311.

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّواْ مِنْ أَبْصَـٰرِهِمْ

> Katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman bahawa hendaklah mereka menundukkan sebahagian daripada pandangan mereka...
>
> [Ayat 30, surah al-Nūr]

Demikian terjemahan secara harfiah.

Ujar Fatimah Syarha:

> Perintah kepada lelaki menundukkan pandangan dalam Surah an-Nur, ayat 30 dan dalam banyak hadis. Jika semua wanita menutup wajah, apa maknanya perintah ini?

Jawapan ringkasnya sama seperti jawapan bagi soalan: Allah menyuruh manusia beriman dan memerintahkan mereka memerangi orang-orang kafir. Jika semua orang beriman apa maknanya perintah memerangi orang kafir?

Jawapan panjangnya pula, perintah dalam ayat ini adalah supaya lelaki menundukkan pandangannya secara mutlak walaupun daripada memandang wanita yang menutup seluruh tubuh. Jadi, kalaupun seluruh tubuh ditutup, ayat ini tetap 'bermakna'.

Kedua, kebanyakan wanita yang dikatakan menutup mukanya tetap menampakkan sebahagian daripada muka seperti mata, kening, dan dahi. Semua ini tetap tidak boleh dipandang oleh lelaki. Selain itu, mereka juga akan mendedahkan mukanya apabila perlu kepada ajnabi yang berkenaan. Jadi, ayat ini 'bermakna' terhadap mereka.

Ketiga, 'semua wanita' yang dimaksudkan semestinya tidak termasuk hamba perempuan dan wanita bukan Islam kerana mereka tidak

diperintahkan menutup muka secara ijmak. Jadi, sekiranya wanita-wanita Islam seluruhnya menutup muka, dua golongan ini tetap akan mendedahkan mukanya. Ini bererti, ayat ini tetap 'bermakna' walaupun 'semua wanita menutup wajah'.

Hujah Keenam: Ayat 31 Surah al-Nūr - Ayat *Khimār*

Firman Allah SWT:

وَلۡيَضۡرِبۡنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّۖ

> ... (Dan katakanlah kepada Mukminat bahawa...) dan hendaklah mereka mengenakan tudung mereka pada belahan dada (baju) mereka.
>
> [Ayat 31, surah al-Nūr]

Bagi Fatimah Syarha;

> Perintah Allah dalam surah al-Nūr, ayat 31, "dan hendaklah mereka menutupkan kain ke dadanya," tentang menutup dada, bukan menutup wajah. Jika menutup wajah itu wajib, tentu Al-Quran mengatakannya dengan jelas sejelas ayat perintah menutup dada ini.

Hakikatnya, tidak mesti begitu. Betapa banyak perkara yang wajib tidak dijelaskan dalam al-Quran. Lihat, adakah ada ayat yang secara jelas - mengikut perkiraan beliau - tentang kewajipan menutup siku, bahu, dan jambul? Adakah patut dipertikaikan, jika semua itu wajib, tentu al-Quran mengatakannya dengan jelas sejelas ayat perintah menutup dada ini?!

Bahkan, Allah taala telah berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ يُدۡنِينَ عَلَيۡهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّۚ

Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isteri dan anak-anak perempuanmu serta wanita-wanita Mukminin bahawa hendaklah mereka mengenakan sebahagian jilbab pada (tubuh) mereka.

[Ayat 59, surah al-Aḥzāb]

Dalam ayat di atas, Allah taala memerintahkan wanita menutup seluruh tubuh. Muka termasuk dalam bahagian tubuh. Ini bermakna, wajib menutup muka berdasarkan ayat ini. Inilah yang difahami oleh jumhur ulama tafsir. Saya sediakan sebahagian daripada mereka;

Pertama, Imam al-Ṭabarī (310 H):

> ... Janganlah mereka menyerupai hamba perempuan pada pakaian mereka apabila mereka kecuali daripada rumah kerana keperluan lalu mendedahkan rambut dan muka tetapi hendaklah mereka mengenakan sebahagian jilbab mereka pada (tubuh) mereka...[163]

Kedua, Imam Makkī (437 H):

> ... Hendaklah mereka mengenakan selendang mereka ke (seluruh tubuh) mereka supaya mereka tidak menyerupai hamba perempuan pada pakaian mereka apabila keluar kerana keperluan lalu mendedahkan rambut dan muka tetapi hendaklah mereka mengenakan sebahagian jilbab mereka pada tubuh mereka...[164]

Ketiga, Imam Ilkiya (504 H):

---

[163] *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān* (1422 H); Kaherah: Dār Hijr; jil. 19, hal. 181.

[164] *Al-Hidāyah ilā Bulūgh al-Nihāyah* (1429 H); Sharjah: Jāmi'ah al-Shāriqah; jil. 9, hal. 5869.

> ... Maka, (Allah) memerintahkan mereka menutup muka dan kepala tetapi tidak mewajibkannya kepada hamba-hamba perempuan.[165]

Keempat, Imam al-Zamakhsharī (538 H):

> ... Hendaklah mereka (wanita merdeka) mengenakannya (jilbab) pada (tubuh) mereka dan menutup muka dan bahagian-bahagian antara kepala dan pinggul mereka dengannya.[166]

Kelima, Imam 'Alam al-Dīn al-Sakhāwī (642 H):

> ... Hendaklah mereka mengenakan (jilbab) dan menutup muka dan bahagian-bahagian antara kepala dan pinggul.[167]

Keenam, Imam al-Bayḍāwī (691 H):

> ... Hendaklah mereka menutup muka dan tubuh dengan cadar apabila keluar kerana sesuatu keperluan...[168]

Ketujuh, Imam Abū al-Barakāt al-Nasafī (710 H):

> ... (Hendaklah) mereka (wanita merdeka) mengenakannya (jilbab) pada muka dan bahagian-bahagian antara kepala dan pinggul.[169]

---

[165] *Aḥkām al-Qur'ān* (1403 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 3-4; hal. 350.
[166] *Al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa-'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl* (1418 H); Riyadh: Maktabah al-'Ubaykān; hal. 98.
[167] *Anwār al-Tanzīl wa-Asrār al-Ta'wīl* (t,t); Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī; jil. 4, hal. 238.
[168] *Aḥkām al-Qur'ān* (1403 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 3-4; hal. 350.
[169] *Madārik al-Tanzīl wa-Ḥaqā'iq al-Ta'wīl* (t.t); Riyadh: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāz; hal. 939.

Kelapan, Imam Ibnu Juzī al-Kalbī (741 H):

> ... Maka Allah memerintahkan mereka (wanita merdeka) supaya mengenakan jilbab untuk menutup muka mereka dengannya...[170]

Kesembilan, Imam Abū Ḥayyān al-Andalusī (745 H):

> ... Lalu, mereka (wanita merdeka) diperintahkan untuk menyalahi mereka pada pakaian mereka daripada pakaian hamba perempuan dengan memakai selendang dan cadar dan menutup menutup kepala dan muka...[171]

Kesepuluh, Imam al-Ījī (905 H):

> ... (Hendaklah) mereka mengenakannya (sebahagian jilbab) pada (tubuh) mereka dan (hendaklah) mereka menutup muka dan tubuh badan.[172]

Kesebelas, Imam Abī al-Su'ūd (982 H):

> ... Hendaklah mereka menutup muka dan tubuh mereka dengannya (jilbab) apabila keluar kerana apa-apa alasan.[173]

Kedua belas, Syeikh Ismā'īl Ḥaqqī (1137 H):

> ... (Hendaklah) mereka menutup muka dan tubuh dengannya (sebahagian jilbab) ketika mereka keluar

---

[170] *Al-Tashīl li-'Ulūm al-Tanzīl* (1415 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; hal. 195.
[171] *Al-Baḥr al-Muḥīṭ* (1413 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 7, hal. 240.
[172] *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān* (1424 H); Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah; jil. 3, hal. 367.
[173] *Irshād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* (t.t); Riyadh: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah; jil. 4, hal. 433.

> daripada rumah untuk sesuatu keperluan dan janganlah mereka keluar dengan muka dan tubuh terdedah seperti hamba perempuan...[174]

Ketiga belas, Syeikh Nawawī al-Jāwī:

> ... Kerana orang yang menutup mukanya tidak dikehendaki (orang) untuk didedahkan auratnya.[175]

Keempat belas, Syeikh 'Abd al-Rāḥmān al-Sa'dī (1376 H):

> ... Hendaklah mereka (wanita merdeka) menutup muka dan dada mereka dengannya (jilbab).[176]

Kelima belas, Syeikh Abū Bakr al-Jazā'irī:

> ... Hendaklah mereka (wanita merdeka) mengenakan jilbab pada muka sehingga tidak nampak daripada (tubuh) wanita selain sebelah mata untuk melihat jalan apabila keluar untuk sesuatu keperluan.[177]

Walaupun sebahagian daripada ulama-ulama yang disebutkan tadi mungkin tidak mewajibkan wanita menutup muka secara mutlak daripada ajnabi, tafsiran mereka sudah memadai untuk menunjukkan bahawa pensyariatan menutup seluruh tubuh termasuk muka ada di dalam al-Quran - meskipun hanya dalam suasana-suasana tertentu. Keadaan ini justeru menepis prasangka orang yang menyangka bahawa

---

[174] *Rūḥ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān* (t.t); tanpa penerbit; jil. 7, hal. 240.
[175] *Marāḥ Labīd li-Kashf Ma'nā Qur'ān Majīd* (1305 H); al-Ṭab'ah al-'Uthmāniyyah; jil. 2, hal. 189.
[176] *Taysīr al-Karīm al-Mannān fī Tafsīr Kalām al-Mannān* (1424 H); Beirut: Dār Ibn Ḥazm; hal. 640.
[177] *Aysar al-Tafāsīr li-Kalām al-'Alī al-Kabīr* (1418 H); Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa-al-Ḥikam; jil. 4, hal. 290.

‘jika menutup wajah itu wajib, tentu Al-Quran mengatakannya dengan jelas sejelas ayat perintah menutup dada ini’.

Hujah Ketujuh: Ayat 52 Surah al-Aḥzāb

Firman Allah SWT:

لَّا يَحِلُّ لَكَ ٱلنِّسَآءُ مِنۢ بَعۡدُ وَلَآ أَن تَبَدَّلَ بِهِنَّ مِنۡ أَزۡوَٰجٖ وَلَوۡ أَعۡجَبَكَ حُسۡنُهُنَّ
إِلَّا مَا مَلَكَتۡ يَمِينُكَۗ

> Tidak dihalalkan wanita bagimu (wahai Muḥammad) selepas ini, tidak juga (dihalalkan) untukmu menukarkan isterimu (dengan wanita lain) walaupun kamu tertarik dengan kecantikannya kecuali (hamba-hamba perempuan) yang dimiliki tangan kananmu.
>
> [Ayat 52, surah al-Aḥzāb]

Ayat ini menjelaskan bahawa Rasulullah SAW tidak boleh berkahwin dengan mana-mana wanita selain dengan hamba perempuan baginda selepas turunnya ayat ini walaupun Rasulullah tertarik dengan kecantikannya. Ini mafhum daripada ayat ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan penilaian Fatimah Syarha, ayat ini mengandungi hujah untuk mengatakan muka tidak perlu ditutup. Jelas beliau;

> Dalam surah al-Aḥzāb, ayat 52, “meskipun kecantikannya menarik hatimu…” Bagaimana mengetahui kecantikan seorang wanita jika wajahnya wajib ditutup?

Sekali lagi beliau mengemukakan persoalan yang tidak sepatutnya ditimbulkan dalam perbincangan ilmiah. Saya tidak faham bagaimana soalan sebegini boleh terpacul daripada mulut beliau. Jawapan untuk soalan yang remeh ini sama seperti jawapan bagi soalan ‘jika semua wanita menutup wajah, apa maknanya perintah ini?’ tadi.

Selain itu, kewajipan menutup muka ini bukan diwajibkan semenjak Rasulullah SAW dilahirkan, tidak sebelum dilantik menjadi rasul, tidak juga sebelum berhijrah. Jadi, baginda mungkin telah terlihat ramai wanita sebelum menutup muka diwajibkan. Antara mereka mungkin ada yang membuat baginda tertarik. Itulah caranya bagaimana Rasulullah mengetahui kecantikan seorang wanita.

Di samping itu, menutup muka tidak semestinya menutup seluruh muka. Jadi, melihat mata, kening, dan dahi yang masih terdedah pun sudah cukup membuatkan seorang lelaki terpikat. Bahkan, sekadar melihat tubuh yang dibaluti jubah yang labuh pun boleh membuatkan hati lelaki tertarik dan mencair. Ini bermakna, pendalilan dengan ayat ini ini begitu rapuh dan tidak layak masuk ke dalam gelanggang perdebatan ilmiah apatah lagi untuk mendepani pendapat mewajibkan menutup muka pilihan jumhur ulama.

Hujah Kelapan: Kenyataan Bahawa Hanya Beberapa Wanita Sahaja yang Menutup Muka pada Zaman Awal Islam

Untuk kali yang penghabisan, dalil Fatimah Syarha ialah;

> Satu kenyataan yang turut diakui oleh golongan yang mewajibkan niqab ialah wanita pada zaman awal Islam tidak seluruhnya menutup wajah, melainkan hanya beberapa orang sahaja dan pada waktu-waktu tertentu sahaja.

Saya tidak tahu apakah yang beliau maksudkan dengan ‘zaman awal Islam’. Tetapi, maksudnya boleh jadi zaman Mekah. Jika ini benar, dalil beliau terkeluar daripada tajuk. Tidak ada seorang pun ulama yang mengatakan kewajipan menutup muka bermula sedari zaman Mekah. Jadi, tidak menjadi masalah pun kalau ‘tidak seluruhnya menutup wajah, melainkan hanya beberapa orang sahaja dan pada waktu-waktu tertentu sahaja’ ketika itu.

Jikalau telahan ini silap, zaman yang dimaksudkan pastinya zaman awal Madinah. Ini juga tidak memberi apa-apa hujah dalam masalah ini. Sebabnya, memang tidak ada sesiapa pun mendakwa menutup muka diwajibkan sebermula zaman Madinah. Ulama-ulama yang mewajibkan pun semuanya mengatakan kefarduan tersebut diwartakan dengan penurunan ayat 51 atau 59 surah al-Aḥzāb yang berlangsung pada tahun kelima Hijrah. Tidak ada seorang pun yang mengatakan sebelum itu. Tetapi, sekiranya 'zaman awal Islam' yang dimaksudkan selain itu, saya tidak teragak-agak untuk menuduh beliau berbohong. Beliau telah memfitnah sebahagian besar ulama Islam.

Hujah Kesembilan: Hadis al-Faḍl bin ʼAbbās

Diriwayatkan oleh al-Bukhārī[178] daripada Ibnu ʼAbbās RA katanya: Rasulullah SAW pernah membonceng al-Faḍl bin ʼAbbās RA di belakang baginda pada hari penyembilan (hari raya Aidiladha) di atas kenderaannya dan al-Faḍl ketika itu merupakan lelaki yang tampan. Nabi SAW pun berdiri menghadap orang ramai berfatwa kepada mereka. Seorang perempuan yang cantik daripada Khath'am pun (datang) bertanyakan Rasulullah SAW.

Al-Faḍl pun berpaling memandang perempuan tersebut dan tertarik kepadanya. Nabi SAW pun ternampak al-Faḍl sedang memandang kepadanya (perempuan tadi) lalu menghulurkan tangan baginda ke belakang dan menarik dagu al-Faḍl lalu menghalangnya daripada (terus) memandang kepadanya (perempuan itu). Kemudian, al-Faḍl memandangnya sekali lagi dan Rasulullah SAW pun melakukan sama seperti tadi.

Kata Fatimah Syarha:

---

[178] *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*; *op. cit*; no. 6228.

> Terdapat hadis tentang Rasulullah memalingkan wajah Faḍl bin ’Abbās daripada memandang seorang wanita dari Khath’am yang diriwayatkan oleh Ibnu ’Abbās bahawa wanita itu memang cantik. Ibnu Ḥazm berkata, “jika wajah (cantik) itu aurat, tentu Rasulullah memerintahkan wanita itu menutupnya.”

Sebenarnya beliau tidak menamakan hadis ini sebagai dalil tetapi jelas beliau berhujah dengannya. Oleh sebab itu, saya jadikan hadis ini sebagai dalil kesembilan dan terakhir bagi pihak beliau. Walaupun kata-kata yang disebutkan adalah daripada Ibnu Ḥazm, tidak diragui bahawa itu juga pandangan beliau. Beliau sebelum itu pun sudah menyebutkan;

> Al-Ṣāwī berkata, “apakah wajib bagi wanita, pada saat lelaki memandangnya dengan syahwat untuk menutup wajah dan tapak tangannya?” Ibnu Marzūq berkata “tidak wajib baginya.” Perintah menundukkan pandangan ditujukan kepada lelaki tersebut. Pendapat ini dikutip oleh al-Mawwāq daripada[179] Kadi ’Iyāḍ. Marzūq membezakan antara wanita cantik atau tidak. Namun, kecantikan seorang wanita adalah suatu yang relatif. Si A mungkin memandangnya cantik tapi si B mungkin memandangnya tidaklah cantik sangat. Lagipun, bagaimana seseorang wanita itu tahu seorang lelaki itu sedang memandangnya dengan nafsu?

Sebagai peringatan, beliau terkeliru dalam menterjemahkan kandungan kitab Syeikh al-Ṣāwī sehingga nampak seolah-olah berlaku perbualan antara al-Ṣāwī dengan Ibnu Marzūq. Al-Ṣāwī bertanya dan Ibnu Marzūq menjawab. Sebenarnya, tidak begitu. Nukilan dan terjemahan yang tepat adalah, kata al-Ṣāwī:

---

[179] Pembetulan daripada asal: Mawwaq dari.

> ... Adakah ketika itu (dilihat dengan syahwat) wajib baginya (wanita) menutup muka dan kedua-dua belah tangannya? (Ya,) inilah yang disebut oleh Ibnu Marzūq yang mengatakan bahawa pendapat tersebut adalah *mashhūr al-madhhab*; atau, tidak wajib baginya demikian (menutup muka dan tangan) dan yang wajibnya adalah menundukkan pandangan ke atas lelaki? Ini adalah *muqtaḍā* nukilan al-Mawwāq daripada ʼIyāḍ. Zarrūq di dalam *Sharḥ al-Waghlīsiyyah* mempericikan antara (wanita) yang cantik - maka wajib - atau tidak - maka digalakkan.[180]

Perhatikan betapa larinya terjemahan Fatimah Syarha. Beliau mengatakan Ibnu Marzūq berpendapat tidak wajib wanita menutup muka ketika dipandang dengan syahwat walhal adalah sebaliknya. Bahkan, Ibnu Marzūqlah yang mengatakan pendapat ini pendapat yang masyhur di sisi mazhab mereka, mazhab Mālikī. Selain itu, beliau mengatakan pendapat yang tersilap disandarkan kepada Ibnu Marzūq itu sebagai pendapat yang 'dikutip oleh al-Mawwāq daripada daripada Kadi ʼIyāḍ' padahal al-Ṣāwī hanya menyebut, ini adalah *muqtaḍā* nukilan al-Mawwāq daripada ʼIyāḍ. *Muqtaḍā* nukilan bukan nukilan. Bagaimanapun jua, *muqtaḍā* nukilan tetap bukan nukilan. Di samping itu, beliau mengubah nama ulama yang mentafsilkan antara wanita cantik dengan tidak iaitu Zarrūq (899 H) kepada Ibnu Marzūq.

Selain itu, selepas menyebutkan hadis Ibnu ʼAbbās, Fatimah Syarha melanjutkan;

> Bolehnya wanita menampakkan wajah tidak bermakna bolehnya lelaki melihatnya. Sebahagian ulama melarang lelaki melihat wanita kecuali pandangan pertama yang tidak disengaja. Sebahagian ulama yang lain pula mengharuskan memandang wajah wanita dengan syarat

[180] *Ḥāshiyah al-Ṣāwī* yang dicetak bersama *al-Sharḥ al-Ṣaghīr*; op cit.

tanpa hasrat seksual. Jika timbul syahwat dengan memandang wajah wanita ketika itu haram hukumnya memandang wajahnya. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī memilih pendapat ini dalam bukunya *al-Niqāb li-al-Mar'ah*.

Menyentuh hadis Ibnu 'Abbās yang disebutkan, hadis tersebut lemah dari segi *dalālah* untuk menyokong mazhab Fatimah Syarha. Tidak ada penyebutan tentang menutup muka atau tidak. Yang ada hanyalah gambaran tentang keelokan rupa paras perempuan yang dilihat oleh al-Faḍl. Tetapi, ini tidak secara lazim memberi makna perempuan tersebut tidak menutup muka.

Seperti yang telah dijelaskan, perempuan yang menutup muka tetap akan menampakkan bahagian mata dan dahi. Inilah yang mungkin dilihat oleh al-Faḍl. Mungkin hadis ini berperanan dalam menghujah golongan yang mewajibkan wanita menutup keseluruhan muka termasuk sebelah atau kedua-dua belah mata tetapi tidak kuat untuk digunakan untuk menidakkan pendapat yang mewajibkan wanita menutup sebahagian muka.

Menyatakan perempuan tersebut benar-benar mendedahkan sebahagian muka disokong dengan kenyataan peristiwa tersebut berlaku pada musim Haji. Sedia dimaklumkan bahawa purdah tidak dibenarkan dipakai ketika ihram. Kalau masih dalam ihram,[181] perempuan tadi pastinya hanya memakai tudung sahaja. Kalau sudah *taḥallul* pun, akan mengambil masa untuk memakai purdah semula. Jadi, beliau tentunya hanya dapat menutup muka dengan hujung tudung. Menutup muka dengan cara ini tidak akan meliputi seluruh muka seperti menutup muka dengan purdah - yang hanya menampakkan mata.

---

[181] Rujuk: Muṣṭafā al-'Adawī (1410 H); *al-Ḥijāb Adillah al-Mūjibīn wa-Shubah al-Mukhālifīn*; Taif: Maktabah al-Ṭarafayn; hal. 83 dan seterusnya.

Apa yang saya fahami, Fatimah Syarha sebenarnya ingin mengkhususkan hadis ini sebagai dalil untuk menyamakan antara wanita cantik dengan wanita yang kurang atau tidak cantik sekali gus menolak pendapat yang mewajibkan wanita cantik menutup muka yang dikemukakan oleh Zarrūq. Sebab itu, beliau menukilkan kata-kata 'jika wajah (cantik) itu aurat, tentu Rasulullah memerintahkan wanita itu menutupnya'. Sebelum itu juga, beliau memperkenalkan teori relativiti kecantikan untuk menolak penyamaan seluruh wanita dari segi hukum menutup muka - iaitu semuanya tidak wajib.

Saya yakin beliau tergesa-gesa melancarkan kata-kata sehingga terlupa bahawa dalil yang disangkanya memihak kepadanya tiba-tiba berpaling tadah. Bagaimana tidak, beliau sendiri mengatakan 'Rasulullah memalingkan wajah Faḍl bin ʼAbbās daripada memandang seorang wanita dari Khathʼam yang diriwayatkan oleh Ibnu ʼAbbās bahawa wanita itu memang cantik'. Jadi, siapa yang mengatakan wanita itu cantik, Rasulullah SAW, al-Faḍl bin ʼAbbās, atau Ibnu ʼAbbās? Zahir perkataan beliau, jawapannya adalah Ibnu ʼAbbās. Sahaja.

Jadi, yang pasti menganggap perempuan tersebut cantik hanyalah Ibnu ʼAbbās. Rasulullah belum pasti melihatnya cantik. Jadi, perbuatan baginda membiarkan wanita tersebut mendedahkan muka mungkin kerana tidak cantik. Dengan ini, terbatallah kata-kata Ibnu Ḥazm 'jika wajah (cantik) itu aurat, tentu Rasulullah memerintahkan wanita itu menutupnya'.

Tidak terhad dengan Ibnu Ḥazm, al-Qaraḍāwī malah Fatimah Syarha sendiri pun dapat dihujah balas menggunakan hadis Ibnu ʼAbbās sendiri. Al-Qaraḍāwī 'mengharuskan memandang wajah wanita dengan syarat tanpa hasrat seksual.' Fatimah Syarha pula selain membolehkan wanita cantik mendedahkan mukanya secara mutlak atas alasan kenisbian kecantikan, juga mengharuskannya atas alasan kenisbian syahwat. Katanya, bagaimana seseorang wanita itu tahu seorang lelaki itu sedang memandangnya dengan nafsu?

Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW diriwayatkan mengalihkan pandangan al-Faḍl daripada terus memandang perempuan berkenaan. Kalau benarlah dakwaan mereka, mengapa Rasulullah melakukan hal tersebut sedangkan al-Faḍl belum tentu lagi 'timbul syahwat dengan memandang wajah wanita' tersebut? Kalau mereka menjawab, baginda tahu dengan melihat cara al-Faḍl memandang. Nah, ini bermakna 'bagaimana seseorang wanita itu tahu seorang lelaki itu sedang memandangnya dengan nafsu?' sudah terjawab dengan sendirinya!

Dicatatkan di sini bahawa yang sebetulnya, al-Faḍl yang menyifatkan perempuan itu cantik. Ibnu 'Abbās tidak menghadiri peristiwa tersebut tetapi mengetahuinya daripada al-Faḍl sendiri.[182] Selain itu,

[182] Antaranya, diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad*; no. 1828 daripada Muḥammad bin Ja'far daripada Sa'īd - bin Mihrān - daripada Kathīr bin Shinẓīr daripada 'Aṭā' bin Abū Rabāḥ daripada Ibnu 'Abbās daripada al-Faḍl bin 'Abbās bahawasanya beliau pernah membonceng di belakang Nabi SAW. Terdapat seorang remaja perempuan berada di belakang ayahnya lalu aku pun melihat kepadanya. Rasulullah SAW mengalihkan mukaku daripadanya (remaja perempuan itu).

Kathīr bin Shinẓīr; al-Dhahabī: kata Abū Zur'ah: *layyin*. Kata Aḥmad dan lain-lain: *ṣāliḥ al-ḥadīth*. [Al-Kāshif; op. cit; no. 4634] Ibnu Ḥajar: *ṣadūq yukhṭi'* [*Taqrīb al-Tahdhīb*; *op. cit*; no. 6305]

Sebenarnya, beliau *ḍa'īf*. Al-Nasā'ī: *ḍa'īf*, tidak kuat. [Kitāb al-Ḍu'afā' wa-al-Matrūkīn (1405); Beirut: Maktbah al-Kutub al-Thaqāfiyyah; no. 533] Ibnu Ḥibbān: banyak kesalahan di samping sedikit riwayat, termasuk antara orang-orang yang meriwayatkan perkara-perkara yang *munkar* daripada orang-orang yang terkenal sehingga keluar daripada had dijadikan hujah melainkan dalam (riwayatnya) yang menyamai (riwayat-riwayat) rawi-rawi *thiqah* [*Al-Majrūḥīn*; op. cit; jil. 2, no. 223] Al-Dāraquṭnī: tidak kuat [*Su'ālāt Abī 'Abd Allāh ibn Bukayr wa-Ghairi-hi li-Abī al-Ḥasan al-Dāraquṭnī* (1408 H); Amman: Dār 'Ammār; no. 23]

Kesimpulannya, riwayat ini *ḍa'īf*.

Diriwayatkan oleh Aḥmad dalam *Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal* (1416 H); Beirut: Mu'assasah al-Risālah; no. 1823 dan Ibnu Khuzaymah dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* (1400 H); Beirut: al-Maktab al-Islāmī; no. 2832 menerusi Isrā'īl bin Yūnus *'an* Abū Isḥāq - 'Amr bin 'Abd Allāh - daripada Sa'īd bin Jubayr daripada Ibnu 'Abbās daripada al-Faḍl bin 'Abbās, katanya: aku pernah membonceng di belakang Nabi SAW ketika bersurai daripada (urusan di) Muzdalifah sementara seorang Arab Badwi yang sedang membonceng anak perempuannya yang cantik. Aku melihat kepadanya lalu Rasulullah SAW memegang dan mengalihkan mukaku daripada (melihat) kepadanya...

'Amr bin 'Abd Allāh; al-Dhahabī: salah seorang tokoh... Seorang yang kuat berpuasa dan bersolat malam [*Al-Kāshif*; op. cit; no. 4185] Ibnu Ḥajar: *mukkthir*, *thiqah*, abid... Bercelaru pada akhirnya [*Taqrīb al-Tahdhīb*; *op. cit*; no. 5697]

penghujahan ke atas faham kenisbian kecantikan dan syahwat bawaan Fatimah Syarha tidak bererti saya menolaknya. Saya sekadar menerangkan kesilapan menghubungkan permasalahan tersebut dengan kewajipan menutup muka.

Beliau telah menyalahgunakannya untuk mengatakan wanita tidak wajib menutup muka walaupun cantik atau dilihat dengan syahwat kerana sukar untuk menilai kecantikan dirinya dan keadaan lelaki yang memandangnya. Bagi saya, disebabkan kesukaran itulah diwajibkan semua wanita menutup muka tidak kira cantik atau hodoh, berusia atau muda - melainkan *al-qawā'id* yang disebutkan oleh Allah dalam ayat 60 surah al-Nūr.

Maka, berdasarkan jawapan yang diberikan, rebahlah dalil-dalil Fatimah Syarha demi menguatkan pendapat pilihan. Rebah tanpa sempat berperang.

Sebenarnya, beliau juga *mudallis*. Kata Ibnu Ḥibban: merupakan seorang *mudallis* [*Al-Thiqāt* (t.t); Hayderabad: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah; jil. 5, hal. 177]

Kesimpulannya, riwayat ini *ḍa'īf* dan *ḥasan li-ghayri-hi*.

Di antara kaedah yang disepakati dan tidak diperdebatkan ialah fatwa boleh berubah dengan berubahnya zaman, tempat, kebiasaan, dan keadaan.
Fatimah Syarha

Bab Empat

Menguis Upaya Fatimah Syarha Mewajarkan Amalan Tidak Menutup Muka

Fatimah Syarha tidak berasa cukup dengan hujah-hujah lesu yang dimuntahkan untuk memenangi perbahasan hukum wanita menutup muka. Beliau lalu berusaha pula untuk menyesuaikan buah fikirannya dengan suasana hari ini. Kononnya, menutup muka tidak seiring dengan zaman. Beliau tidak melafazkannya tetapi tulisannya bertutur jelas lagi nyata.

Sekonyong-konyongnya beliau berkata di bawah tema 'Membuka Wajah Suatu Keperluan dalam Komunikasi Berkesan':

> Wanita dan lelaki harus berkomunikasi dalam muamalat atau urusan-urusan hidup seperti berjual beli, kesaksian, wakil-mewakilkan dan sebagainya. Ulama fikah[183] sependapat wanita hendaklah membuka wajah ketika memberi keterangan di hadapan hakim, sehingga hakim, saksi, dan lawan bicara mampu mengenalnya dan anak siapakah dia.

Saya menolak dakwaan 'membuka wajah suatu keperluan dalam komunikasi berkesan'. Jika ini benar, maknanya menutup wajah mencacatkan sistem komunikasi antara manusia. Ini tuduhan yang melampau. Isteri-isteri Rasulullah SAW pun menutup muka di sisi seluruh ulama secara iitifak bahkan sebahagiannya mengatakan bahawa mereka tidak boleh mendedahkan muka sama sekali di hadapan ajnabi, adakah mereka mempunyai masalah ketika berhubung dengan para

[183] Pembetulan daripada asal: fikih.

sahabat dan tabiin yang menuntut ilmu serta hidup bersama mereka? Atau, komunikasi berkesan yang dimaksudkan bukan cara yang ditunjukkan oleh mereka tetapi cara yang diamalkan oleh orang-orang fasiq?!

Saya takjub pula apabila beliau mengatakan 'wanita dan lelaki harus berkomunikasi dalam muamalat atau urusan-urusan hidup seperti berjual beli, kesaksian, wakil-mewakilkan dan sebagainya'. Komunikasi itu sekadar percakapan. Adakah percakapan terhalang atau terganggu apabila seseorang menutup mukanya? Pelik sungguh. Doktor dan jururawat pun menutup muka di dalam dewan bedah. Apabila jerebu atau ditimpa wabak selesema burung, orang ramai juga menutup muka. Adakah semua itu membuatkan mereka tidak dapat berkomunasi dengan berkesan? Atau, komunikasi berkesan itu adalah komunikasi yang berakhir dengan bersedudukan?!

Kemudian, beliau mengatakan 'ulama fikah sependapat wanita hendaklah membuka wajah ketika memberi keterangan di hadapan hakim hendaklah membuka wajah ketika memberi keterangan di hadapan hakim, sehingga hakim, saksi, dan lawan bicara mampu mengenalnya dan anak siapakah dia.' Ini menambahkan kepeningan saya. Keperluan menunjukkan muka ketika memberi keterangan itu kerana 'komunikasi berkesan' atau kerana pengecaman?

Selepas itu, adakah wanita perlu mendedahkan mukanya sepanjang penyaksian atau sekadar perlu untuk pengecaman yang bermakna wanita boleh menutup mukanya segera selepas dikenali? Jika sekadar perlu untuk pengecaman, apakah maknanya semua ini untuk menyokong 'membuka wajah suatu keperluan dalam komunikasi berkesan'?!

Tambahan pula, apa yang dikatakan 'ulama fikah sependapat wanita hendaklah membuka wajah ketika memberi keterangan' tidaklah tepat. Tidak ada 'hendaklah' jika dapat dicam dalam keadaan muka tertutup di sisi sebahagian ulama. Termasuk mereka adalah pemuka tabiin, al-Zuhrī

(124 H) yang mengatakan tentang kesaksian terhadap wanita di sebalik tabir;

إِنْ عَرَفْتَهَا فَاشْهَدْ وَإِلَّا فَلَا تَشْهَدْ

> Sekiranya engkau mengenalinya, bersaksilah. Jika tidak, jangan bersaksi.[184]

Kata Imam Ibnu Ḥajar al-'Asqalānī tentang *athar* tersebut;

> Maksudnya tidak disyaratkan (bagi saksi) melihatnya semasa penyaksian bahkan memadai ia mengenalinya dengan apa-apa jalan yang mungkin dan tentang ini terdapat khilaf...

Tekankan pada 'tentang ini terdapat khilaf'.

Pewajaran Fatimah Syarha terhadap amalan mendedahkan muka tidak berhenti setakat itu. Malah, diteruskan dengan pendekatan baharu yang terangkum dalam kata-katanya di bawah tajuk '*Fiqh* Dakwah: Menjaga Dakwah Lebih Utama';

> Di antara kaedah yang disepakati dan tidak diperdebatkan ialah fatwa boleh berubah dengan berubahnya zaman, tempat, kebiasaan, dan keadaan.

Sejenak mengenai kaedah tadi, saya tidak mengingkari bahawa yang disebutkan adalah benar. Tetapi, aplikasinya tidak kena pada tempat. Hukum boleh berubah kerana masa dan tempat tetapi hukum yang bagaimana? Jawapannya saya serahkan kepada Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān;

---

[184] Diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*; op. cit; hal. 984 secara *mu'allaq* secara jazam.

> Fatwa boleh berubah dengan berubahnya tempat dan masa. Ini sekiranya hukum syarak terbina di atas *'urf* setempat dan uruf tersebut berubah tanpa (timbul) *'urf* baharu yang bercanggah dengan nas syarak atau (sekiranya) hukum syarak terbina di atas makna tertentu dan makna tersebut berubah...[185]

Jadi, hukum yang boleh berubah itu hanyalah hukum-hukum yang disabitkan dengan *'urf* atau *'illah*. Masalahanya, adakah menutup muka wajib kerana *'urf* atau *'illah* tertentu? Jika kerana *'urf*, sudah tentu tidak. Tidak ada seorang pun ulama mengatakan begitu. Memang ada antara mereka yang mengatakan kebiasaan wanita merdeka pada zaman Jahiliah menutup muka tetapi mereka mengatakan kebiasaan ini kemudiannya diperakukan dan disyariatkan oleh Allah - seperti Syeikh Ṣafiyy al-Raḥmān al-Mubārakfūrī.[186] Adapun kerana *'illah* tertentu, maka *'illah* apakah itu?

Berdasarkan ayat 59, surah al-Aḥzāb, *'illah* kewajipan menutup muka secara zahirnya adalah supaya dapat dikenali dan tidak diganggu. Berdasarkan *asbāb al-nuzūl* pula, *'illah* adalah untuk membezakan wanita merdeka dengan hamba. Walau bagaimanapun, pihak yang mengatakan tidak wajib menutup muka memahami ayat tersebut sebagai mewajibkan melabuhkan jilbab ke seluruh tubuh sahaja - tetapi dengan membiarkan muka terdedah. Ini bererti mereka mengatakan *'illah* melabuhkan jilbab sama dengan *'illah* menutup muka kerana kedua-dua kewajipan berada dalam ayat yang sama. Jika mereka menolaknya sebagai *'illah* melabuhkan jilbab, bererti mereka juga menolaknya sebagai *'illah* menutup muka. Jika tidak wajib menutup muka, tidak wajib juga melabuhkan jilbab.

---

[185] *Uṣūl al-Da'wah* (1396 H); tanpa penerbit; hal. 160.
[186] Lihat: *Ibrāz al-Ḥaqq wa-al-Ṣawāb fī Mas'alah al-Sufūr wa-al-Ḥijāb* (1412 H); Riyadh: Dār al-Ṭaḥāwī; hal. 29-30.

Berdasarkan kalimat sebahagian ulama yang mewajibkan menutup muka secara tidak mutlak, *'illah* kewajipan adalah fitnah. Apabila wujud fitnah, wujudlah kewajipan. Apabila hilang fitnah, hilangnya kewajipan. Sebenarnya, *'illah* ini tidak sah kerana *ghayr munḍabiṭah*. Selain itu, ini bermakna lelaki juga perlu menutup muka sekiranya mendatangkan fitnah. Ini mustahil. Sekiranya diterima juga fitnah sebagai *'illah*, maka sekarang adalah zaman fitnah pastinya secara ijmak. Jika Fatimah Syarha memilih ini sebagai *'illah* bererti menutup muka wajib di sisi beliau sendiri.

Kata Syeikh Yūsuf al-Dajwī (1365 H):

> ... Sehingga ulama-ulama yang mengharuskan muka dan kedua-dua belah tapak tangan wajib mengharamkannya kerana apa yang dilakukan oleh para wanita sekarang. Pertama, kerana mereka tidak hanya mendedahkan muka dan kedua-dua belah tangan seperti yang sedia dimaklumi. Kedua, orang yang mengatakan (harus) pun mesti akan mensyaratkan aman daripada fitnah sedangkan fitnah sekarang tidak lagi terpelihara... Maka, masalah ini ijmak yang tidak khusus kepada salah seorang imam kaum Muslimin tanpa yang lain.[187]

Kata Syeikh Zāhid al-Kawtharī:

> Adapun apa yang diriwayatkan daripada imam-imam seluruh pelosok dunia tentang keharusan wanita mendedahkan muka dan kedua-dua belah tapak tangannya, ini dengan syarat tidak dibimbangkan berlaku fitnah. Di manakah (sekarang) masyarakat yang murni itu yang manusia di dalamnya terpelihara daripada fitnah ketika keluarnya wanita dengan muka terdedah?[188]

---

[187] *Maqālāt wa-Fatāwā al-Shaykh Yūsuf al-Dajwī al-Azharī* (1401 H); Kaherah: al-Hay'ah al-'Āmmah li-Shu'ūn al-Maṭābi' al-Amīriyyah; jil. 2, hal. 798-799.
[188] *Maqālāt al-Kawtharī*; *op. cit*.

Kata Syeikh Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī:

> Demikian, maka sabitlah ijmak di sisi seluruh imam - sama ada yang mengatakan wajah wanita aurat seperti Ḥanābilah dan yang mengatakannya tidak aurat seperti Ḥanafiyyah dan Mālikiyyah - bahawa wajib bagi wanita menutup mukanya ketika takutkan fitnah dengan dilihat oleh orang yang berada di sekitar dengan syahwat. Siapakah yang mampu mendakwa bahawa fitnah terpelihara sekarang dan bahawa tidak ada sesiapa pun di lorong-lorong yang memandang muka perempuan tanpa syahwat?[189]

Kata Syeikh Bakr Abū Zayd:

> ... Ini di samping tidak ada seorang pun dalam Islam yang mengharuskan mendedahkan muka dan kedua-dua belah tapak tangan ketika wujudnya fitnah, lemahnya agama, dan rosaknya zaman. Malah, mereka bersepakat (wajib) menutupnya sebagaimana yang dinukilkan oleh beberapa orang ulama. Semua fenomena kerosakan ini muncul pada zaman kita yang menyebabkan wajib menutupnya (muka dan tapak tangan) walaupun tanpa adanya dalil-dalil lain (yang mewajibkannya).[190]

Pendek kata, menutup muka yang asalnya tidak wajib menjadi wajib pada zaman sekarang berdasarkan kaedah 'fatwa boleh berubah dengan berubahnya zaman, tempat, kebiasaan, dan keadaan' yang dikemukakan oleh Fatimah Syarha sendiri. Ingat, perubahan fatwa tidak hanya daripada wajib kepada tidak wajib. Boleh jadi hukum berubah daripada tidak wajib kepada wajib.

---

[189] *Ilā Kulli Fatāh Tu'minu bi-Allāh* (1395 H); Damsyik: Maktabah al-Fārābī; hal. 50.
[190] *Ḥirāsah al-Faḍīlah* (1426 H); Riyadh: Dār al-'Āṣimah; hal. 54.

Meskipun begitu, kalau Fatimah Syarha tetap tidak mahu mengatakan fitnah sebagai *'illah*, ini bererti menutup muka tidak termasuk dalam hukum-hakam yang boleh diubah suai atau ditukar ganti. Dengan itu, sia-sia sahajalah mukadimah beliau 'di antara kaedah yang disepakati dan tidak diperdebatkan ialah fatwa boleh berubah dengan berubahnya zaman, tempat, kebiasaan, dan keadaan' kerana tidak mempunyai apa-apa nilai dalam perbincangan ini malah boleh mendatangkan mudarat kepada Islam tatkala orang-orang jahil dan berkepentingan menjadikannya sebagai alasan untuk menidakkan hukum-hukum Allah seperti larangan riba, kewajipan pelaksanaan hudud, dan sebagainya.

Seusai menyebutkan kaedah yang termasuk dalam *kalimah al-ḥaqq yurādu bi-hā al-bāṭil* itu, Fatimah Syarha menyambung terus dengan menulis;

> Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī berkata, "saya berkeyakinan, zaman kita sekarang telah memberi wanita banyak peluang dan kesempatan yang mengharuskan kita untuk menyusun kembali pemikiran-pemikiran kita yang memudahkan wanita untuk membentuk keperibadiannya." "Di dalam kitab *al-Ijtihād fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, saya menyebutkan, saya menganjurkan wanita yang bergerak dalam bidang dakwah hendaklah tidak mengenakan penutup wajah. Alasannya agar tidak menjadi penghalang komunikasi antara dirinya sebagai *dā'ī* dan masyarakat sebagai objek dakwah. Menjaga kemaslahatan dakwah lebih penting dari apa-apa yang dia berjaga-jaga kerananya."

Sekali lagi disebutnya nama Syeikh al-Qaraḍāwī yang tidak dihairankan sedikit pun kerana beliau terkenal dengan manhaj *taysīr* di bawah slogan tajdid. Dalam teks tadi pun disebutkan '... yang memudahkan wanita...' Sekali lagi, unsur-unsur *taysīr* diselitkan. Tetapi, penyebutan namanya bermanfaat iaitu menambahkan lagi keyakinan bahawa fikrah

Fatimah Syarha hanyalah salinan fikrah al-Qaraḍāwī. Tidak ada yang lain. Kalau diambil daripada orang lain pun, tetap akan kembali kepada al-Qaraḍāwī. Ulama atas muka bumi hanyalah al-Qaraḍāwī gamaknya.

Saranan al-Qaraḍāwī supaya 'wanita yang bergerak dalam bidang dakwah hendaklah tidak mengenakan penutup wajah' supaya 'tidak menjadi penghalang komunikasi antara dirinya sebagai *dā'ī* dan masyarakat sebagai objek dakwah' adalah kata-kata indah yang beracun. Seorang Muslimah yang menceburi bidang dakwah pastinya akan berdakwah kepada kaum Muslimat, bukan Muslimin. Maka, kalau sesama mereka sama, tiada siapa pun yang menghalang mereka mendedahkan muka. Jadi, apa ertinya menutup muka menjadi 'penghalang komunikasi'?

Mungkinkah beliau memaksudkan sesuatu yang lain iaitu dakwah wanita kepada lelaki? Jika itulah maksudnya, ini adalah bala yang besar. Lelaki yang terjun dalam lapangan dakwah terlalu ramai, tidak perlu lagi bantuan wanita untuk berdakwah kepada lelaki. Jika masih perlu pun, tidaklah sampai perlu berhubung secara langsung. Kalaupun perlu, tetap tidak perlu sampai mendedahkan muka. Sesungguhnya, sebesar mana pun peranan seorang wanita dalam dakwah, peranannya tidaklah lebih besar daripada peranan isteri-isteri Rasulullah SAW. Tetapi, Allah taala tetap memerintahkan mereka menutup muka dan mengajar di sebalik tabir. Cukuplah mereka sebagai hujah untuk menolak 'kemaslahatan dakwah' yang dikhayalkan al-Qaraḍāwī.

Sebagai renungan, saya perturunkan pesanan ringkas yang disampaikan oleh seorang ustazah yang teguh mempertahankan purdah yang dipakainya kepada saya:

> ... Ada seorang ustaz yang mengajar kelas hafiz di.... Beliau pernah berucap dalam perhimpunan bahawa perempuan-perempuan yang tak tanggal niqabnya semasa makan adalah melampau. Kalau orang bukan Islam tengok, tentu mereka takut nak masuk Islam. Kami, *muntaqibāt* sangat

> terasa dengan kata-kata beliau. Mana taknya, ana sendiri pernah dengar kisah orang bukan Islam masuk Islam kerana niqab yang dipakai oleh Muslimat. Ada seorang kawan ana yang berniqab pernah mengislamkan seorang perempuan Mat Salleh. Selepas peluk Islam, dia terus minta nak pakai niqab. Kita yang duduk bersusah-susah dengan *muntaqibāt* ni, berapa ramai orang bukan Islam yang masuk Islam di tangan kita?... Akhir kalam, sebagai *muntaqibah*, memang banyak cabaran yang terpaksa dihadapi sehingga ada yang terpaksa menanggalkan niqab.

Saya juga mengenali seorang aktivis dakwah yang setia dengan purdahnya. Beliau tidak belajar di 'dalam sebuah masyarakat yang memang membudayakan niqab' tetapi di tempat kita yang aman harmoni ini. Universiti tempat beliau belajar bukan UIAM, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaya (UM), yang Islamik. Tetapi, dakwahnya diterima dengan begitu meluas, maju, dan setanding - kalau tidak lebih pun - dengan dakwah yang diusahakan oleh Muslimat tidak berpurdah. Adakah ini suatu bukti menutup muka oleh seorang wanita 'menjadi penghalang komunikasi antara dirinya sebagai *dā'ī* dan masyarakat sebagai objek dakwah'?!

Kemudian, di bawah tajuk 'Jangan Bergaduh Soal Niqab' Fatimah Syarha berkata pula;

> Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī mengingatkan, "tidak dibenarkan bagi saudari-saudari yang menutup wajahnya dan menyeru kepada menutup wajah, menyerang wanita muslimah yang berpegang, beramal dan berdakwah dengan pendapat majoriti ulama yang mewajibkan jilbab tanpa penutup wajah." "Seharusnya serangan mereka diarahkan kepada kaum liberalis yang mengarahkan kaum wanita muslimah berpakaian terbuka ala Barat.

> Para Muslimah itu sendiri telah bersusah payah mempertahankan jilbabnya di lingkungan kerjanya, kampungnya dan rumahnya.”

Selepas bertungkus-lumus mempertahankan pendapat tidak mewajibkan menutup muka walaupun terpaksa menggunakan hujah-hujah yang tidak masuk akal dan fitnah terhadap para ulama selain menggambarkan amalan mendedahkan muka lebih ‘utama dipilih oleh wanita yang menekuni *fiqh* dakwah pada zaman ini’ kononnya kerana menjadi ‘penghalang komunikasi’, beliau boleh pula berkata, jangan bergaduh soal niqab.

Saya bukan mahu bertegang urat berbalah persoalan khilaf ini tetapi saya geram melihat menutup muka dijadikan bahan persendaan. Bukan sekadar dihina, pemakaian purdah juga diharamkan di jabatan-jabatan kerajaan dan institusi-institusi pengajian dalam pekeliling dan kod etika mereka. Saya kemukakan dua contoh larangan.

Pertama, oleh USIM. Dalam *Kod Etika Pakaian Staf*, antara ‘Pemakaian yang Tidak Dibenarkan Semasa Bekerja’ adalah memakai purdah atau apa-apa pakaian yang menutup muka semasa di pejabat.[191]

Kedua, oleh UniSZA. Dalam *Panduan Prasiswazah* disebutkan dengan jelas ‘pemakaian purdah adalah dilarang sama sekali’.[192]

Ini tidak dikira kes Hjh. Halimatussaadiah Hj. Kamaruddin dibuang kerja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana tidak mahu menanggalkan purdah. Apabila kes ini dicabar di Mahkamah Tinggi, diputuskan bahawa keputusan JPA memecat Halimatussaadiah adalah betul.

---

[191] *Kod Etika Pakaian Staf 2011* (2011); Nilai: Bahagian Governan dan Pentadbiran Am Universiti Sains Islam Malaysia; hal. 13.

[192] Panduan Prasiswazah Sesi Akademik 2011/2012 Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (2011); Kuala Terengganu: Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Sultan Zainal Abidin; hal. 188.

Anehnya, agamawan-agamawan bukan mahu membela malah membantu musuh dengan mengeluarkan fatwa 'purdah tidak wajib', 'purdah hanya sunat di sisi jumhur', 'purdah hanya budaya Arab', dan seumpamanya. Bukantah mereka sendiri mengakui menutup muka itu sunat hukumnya tetapi mengapa mereka tidak menyeru ke arahnya malah mengatakan 'tidak dibenarkan bagi saudari-saudari yang menutup wajahnya dan menyeru kepada menutup wajah, menyerang wanita muslimah yang berpegang, beramal, dan berdakwah dengan pendapat majoriti ulama yang mewajibkan jilbab tanpa penutup wajah'? Adakah bagi mereka, tidak dibenarkan bagi saudara-saudara yang berjemaah di masjid dan menyeru kepadanya menyerang pemuda Muslim yang berpegang, beramal, dan berdakwah dengan pendapat majoriti ulama yang mewajibkan solat tanpa berjemaah di masjid?!

Hakikat yang perlu diperjelaskan, tidak wujud apa yang digambarkan oleh al-Qaraḍāwī sebagai 'saudari-saudari yang menutup wajahnya dan menyeru kepada menutup wajah, menyerang wanita muslimah yang berpegang, beramal, dan berdakwah dengan pendapat majoriti ulama yang mewajibkan jilbab tanpa penutup wajah' itu. Jika ada, maka nadir. Yang sebetulnya, hampir keseluruhan 'serangan' tersebut dilakukan oleh ulama-ulama daripada kaum lelaki dari serata dunia.[193] Hanya sedikit wanita yang terlibat.

Itu pun tidak pantas dipanggil serangan kerana mereka hanya melakukan pembahasan secara ilmiah dan berhemah. Jika kadang-kadang mereka melampau, itu adalah percikan api semangat mereka mempertahankan Islam daripada dinodai pencemaran fakta dari dalam dan serangan pemikiran dari luar. Pihak yang memperjuangkan keharusan menutup muka tidak mengerti semua ini kerana dakyah mereka berhasil. Seluruh dunia termasuk di Arab Saudi dan Yaman, para

---

[193] Lihat: Sulaymān bin Ṣāliḥ al-Kharāshī *Asmā' al-Qā'ilīn bi-Wujūb Sitr al-Mar'ah li-Wajhi-hā min Ghayr al-Najdiyyīn wa-Fawā'id Ukhrā*; http://www.saaid.net/Warathah/Alkharashy/m/29.htm tanpa tarikh.

Muslimat mula meninggalkan purdah. Ramai juga yang membuang tudung.

Kalaulah al-Qaraḍāwī dan muridnya, Fatimah Syarha tahu kisah di sebalik konspirasi Barat menelanjangkan wanita Islam yang dimulai dengan penanggalan purdah, pasti beliau faham mengapa para ulama bersungguh-sungguh mempertahankan kewajipan menutup muka. Saya sebutkan satu antaranya - mudah-mudahan mereka insaf.

Saya ceritakan detik-detik pertama jenayah terhadap purdah di Mesir. Saad Zaghloul (1927 H), seorang tokoh negara Mesir telah dibuang negeri ke pulau Seychelles oleh kerajaan British untuk suatu ketika. Kemudian, beliau dibenarkan pulang. Orang ramai di Iskandariah, Mesir sedia menyambut kepulangannya. Didirikan dua khemah besar masing-masing untuk lelaki dan wanita-wanita berpurdah. Sebaik sahaja Saad turun daripada kapal, beliau pergi ke khemah wanita dan menemui Huda Shaarawi (1947 H) yang masih berpurdah. Kemudian, Saad menghulurkan tangannya ke muka Huda lalu mencabut purdah daripada wajahnya seperti yang telah dirancang sambil ketawa. Huda pun bertepuk tangan diikuti oleh wanita-wanita lain yang sama-sama menanggalkan purdah mereka.[194]

Di sebalik perjuangan Fatimah Syarha mempertahankan pendapat 'majoriti ulama' itu, tersembunyi rahsia ini. Beliau mungkin tidak sedar tetapi hakikatnya beliau bersetongkol dengan musuh-musuh Islam. Jika al-Qaraḍāwī dan Fatimah Syarha benar-benar ingin membela Islam, sepatutnya 'seharusnya serangan mereka diarahkan kepada kaum liberalis yang mengarahkan kaum wanita muslimah berpakaian terbuka ala Barat. Para Muslimah itu sendiri telah bersusah payah mempertahankan jilbabnya di lingkungan kerjanya, kampungnya, dan rumahnya.' Itu lebih baik daripada mereka melaksanakan perancangan

[194] Rujuk: Muḥammad bin Ismā'īl al-Muqaddam (1427 H); *'Awdah al-Ḥijāb*; Riyadh: Dār Ṭaybah; hal. 80-81.

musuh terhadap umat Islam satu demi satu bermula dengan purdah, diikuti dengan tudung, dan akhirnya pakaian seluruhnya.

Kemudian, Fatimah Syarha menambah lagi;

> Mewajibkan wanita berniqab pada zaman ini melahirkan banyak kesulitan. Allah memberi keringanan dalam setiap kesulitan. Allah SWT berfirman, "Dia tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan." (Al-Ḥajj: 78). Rasulullah bersabda, "saya diutus dengan kelapangan dan toleransi beragama." Hingga ulama kita memberi kaedah, kesulitan mendatangkan kemudahan. Rasulullah memerintahkan kita mempermudah urusan bukan menyulitkan, memberi berita gembira bukan menakutkan.

Kalau sebelum ini beliau berlapik, kali ini secara terang-terangan beliau mengatakan menutup muka menimbulkan kesusahan kepada kaum wanita pada zaman ini. Beliau sebenarnya kebingungan kerana tidak mampu memahami pendapat lawan. Seandainya beliau faham, pasti tidak akan tergamak menuturkan kata-kata seteruk itu.

Para ulama yang mewajibkan menutup muka tidaklah memaksa wanita menutup muka pada setiap saat atau di semua tempat. Wanita hanya dituntut menutup muka ketika keluar daripada rumah atau dilihat oleh golongan tertentu sahaja. Mereka dibenarkan mendedahkan muka apabila perlu sama ada kerana darurat atau hajat yang diiktiraf syarak. Jadi, dari mana 'mewajibkan wanita berniqab pada zaman ini melahirkan banyak kesulitan'?

Sekiranya menutup muka benar-benar menyulitkan, mengapa Fatimah Syarha tidak menyeru wanita supaya menutup muka dalam keadaan-keadaan yang tidak menyulitkan sahaja? Bukankah *mā lā yudraku kullu-hu lā yutraku kullu-hu* dan bukankah juga *al-maysūr lā yasquṭu bi-al-ma'sūr*?

Pada akhirnya, Fatimah Syarha menutup karangannya dengan sebuah penutup yang berbunyi;

> Yang berniqab teruskan berniqab. Yang tidak berniqab, jangan rasa berdosa kerana tidak berniqab. Masing-masing ada peranan. Masing-masing mengikut contoh para *ṣaḥabiyyah*. Masing-masing mengikut sunnah secara manhajnya dan menutup aurat. Apa yang penting, kedua-duanya saling menghormati, memahami, saling membela, tidak menghukum, tidak saling merendahkan kerana merasa diri lebih baik, tidak berpecah belah dan saling bersatu. Utamakan akhlak, baik sangka, dan lapang dada dalam berbincang dan melontarkan pandangan agar keindahan akhlak Islam tersebar mewangi ke segenap alam.

Satu lagi helah beliau, menyarankan para Muslimat yang sedia mengamalkan tuntutan menutup muka supaya meneruskannya agar beliau dilihat seakan-akan membela golongan berkenaan. Kononnya ‘masing-masing ada peranan’. Peranan apa kalau mereka ‘menjadi penghalang komunikasi antara dirinya sebagai *dā’ī* dan masyarakat sebagai objek dakwah’?

Kononnya ‘masing-masing mengikut contoh para *ṣaḥabiyyah*. Masing-masing mengikut sunnah secara manhajnya dan menutup aurat.’ ‘Mengikut sunnah secara manhajnya’? Ya, kerana ‘realiti yang berlaku pada zaman Nabi dan sahabat, ramai wanita tidak berniqab’ dan ‘wanita pada zaman awal Islam tidak seluruhnya menutup wajah, melainkan hanya beberapa orang sahaja dan pada waktu-waktu tertentu sahaja’.

Kononnya ‘apa yang penting, kedua-duanya saling menghormati, memahami, saling membela, tidak menghukum, tidak saling merendahkan kerana merasa diri lebih baik...’ walhal awal-awal lagi beliau mengatakan ‘tidak berniqab pula menjadi utama dipilih oleh wanita yang menekuni *fiqh* dakwah pada zaman ini.’ Beliau juga

mengatakan ‘mewajibkan wanita berniqab pada zaman ini melahirkan banyak kesulitan.’ Apakah ini ‘akhlak, baik sangka, dan lapang dada dalam berbincang’?

Peleraian

Melewati bahagian terakhir, banyaklah kesimpulan yang dapat dibuat hasil pengamatan yang mendalam terhadap tulisan Fatimah Syarha berkenaan amalan menutup muka. Saya sebutkan sebahagian daripadanya.

Pertama, menyatakan jumhur ulama berpendapat tidak wajib wanita menutup muka sama sekali adalah omongan kosong semata-mata dan menyalahi kenyataan yang berlaku. Bahkan, jumhur ahli *fiqh* yang terdiri daripada sebahagian besar ulama mazhab Ḥanafī, Shāfi'ī, dan Ḥanbalī serta sebahagian kecil ulama mazhab Mālikī seia sekata mewajibkan para Muslimat menutup muka secara jelas dalam kitab-kitab muktabar di sisi mereka. Selebihnya, meskipun tidak berpendapat begitu tetap mewajibkan dalam keadaan-keadaan yang khusus. Hanya segelintir yang didapati tidak mewajibkannya secara mutlak tetapi inilah yang didakwa oleh Fatimah Syarha sebagai pendapat jumhur.

Kedua, dalil-dalil yang dijadikan sandaran pendapat pilihan Fatimah Syarha tidak kukuh. Ayat *zīnah* dalam surah al-Nūr adalah sebaik-baik hujah tetapi tetap kurang kuat kerana masih boleh diserasikan dengan dalil-dalil yang mewajibkan. Hadis Asmā' binti Abū Bakr RA tidak menepati piawaian untuk dijadikan hujah dalam hukum-hakam syariat. Demikian pula halnya dengan hadis Thābit bin Shammās RA yang disepakati kelemahannya di sisi ahli hadis.

Hadis larangan memakai penutup muka ketika ihram dalam hadis pula tidak menunjukkan keharusan mendedahkan muka kepada ajnabi secara mutlak. Sementara itu, perintah supaya lelaki menjaga mata dalam ayat 30, surah al-Nūr langsung tidak masuk akal untuk mengatakan wanita tidak perlu menutup muka. Semata-mata tidak disebutkan perintah menutup muka secara jelas seperti perintah menutup dada dalam ayat *khimār*, surah al-Nūr juga tidak kurang luar biasanya.

Ayat 52, surah al-Aḥzāb yang mengandaikan keadaan Rasulullah SAW tertarik dengan kecantikan wanita sama lemahnya dengan perintah menundukkan pandangan dalam ayat 30, surah al-Nūr tadi. Bagaimana dapat diterima penghujahan dengan hujah rekaan sendiri bilamana kemudiannya mendakwa hanya beberapa orang *ṣaḥabiyyah* yang menutup muka dan pula pada waktu-waktu tertentu sahaja?! Akhirnya, hadis al-Faḍl bin ʼAbbās menjadi mangsa tetapi malangnya tidak jelas untuk dibuat sokongan.

Ketiga, keghairahan Fatimah Syarha untuk mewaraskan tindakannya mempertahankan pendapat tidak wajib menutup muka janggal sekali. Diada-adakan alasan yang secara halusnya menjatuhkan harga diri purdah dan pemakainya. Dituduhnya menutup muka menimbulkan masalah dalam perhubungan antara jantina dan melembabkan perjalanan dakwah kepada masyarakat. Semua pewajaran ini bercanggah dengan dunia nyata yang dihadapi oleh para pengamal tuntutan menutup muka dan didustakan oleh akal fikiran yang sihat.

Saya mohon supaya Ustazah Fatimah Syarha meluruskan semula kenyataannya. Saya tidak mahu fikiran umat Islam diracuni propaganda Barat dengan bantuan pendakwah-pendakwah daripada kalangan mereka sendiri. Moga-moga tidak seperti ‘harapkan pegar, pegar makan padi.’